


Penerbit: Institut Analisa Sosial (INSAN)
Pencetak: Champion Printers Sdn. Bhd.

NADI insan

OKTOBER 1981
KDN 0088/81
ISSN 0126-9364
\$1.00

30
WAWANCARA:
KASSIM AHMAD;
AHMAD BEN BELLA



MASYARAKAT BERDISIPLIN? = KEBEBASAN KITA TERUS MEROSOT

- Laporan: Sidang 'Kebebasan & Masyarakat'
- Asia Tenggara Berpecah-belah
- Kecoh Di Timur Tengah
- Mengapa Pelarian Vietnam Berhijrah?



Gambar Dennis Lau

NADI insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.


Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Rohana, Dr. Jomo
Pelukis : Jaseni, Lim.
Pencetak : Champion Printers Sdn. Bhd.
Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

BILANGAN 30

OKTOBER 1981

wawancara	3	KASSIM AHMAD
nasional	8	Kebebasan
	20	Insan Bulan ini
antarabangsa	22	Keganasan Di Asia Barat
	26	Konflik China-Asean
kartun	30	Al Kisah Kapitalisme
	34	Berita Ringkas Di Sana Sini
	35	Hubungan China-ASEAN
sajak	37	
cerpen	38	Cinta
wawancara	40	AHMED BEN BELLA

Kassim Ahmad, sasterawan dan pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia, telah ditahan dari Nov. 1976 sehingga Julai 1981 di bawah AKDN. Ikutilah wawancara NI dengan tokoh yang gigih ini.



Pergolakan di Timor Tengah sekali lagi menarik perhatian dunia baru-baru ini, Serangan Israel terhadap Lubnan dan pertempuran antara Libya dan A.S. mempunyai erti yang amat penting bagi dunia Islam.

Simposium mengenai Kebebasan & Masyarakat sempena ulangtahun Hari Kebangsaan yang ke-24 dapat menarik sumbangan dari beberapa sudut yang berlainan. Ikutilah petikan dari beberapa kertaskerja yang telah disampaikan.



Ahmed Ben Bella presiden Algeria sulung setelah revolusi bangsa itu berjaga pada 1962 baru dapat bersuara setelah dikurung selama 15 tahun. Ikutilah wawancara dengan tokoh Dunia ketiga ini.

JIMATKAN WANG

NADI TERUS KE RUMAH ANDA

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00
Anda menjimatkan .50s \$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mel Biasa	Mel Udara
Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan, Asia Timur, Australia New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah, Eropah —	MS16 (£ 4)	MS36 (£ 9)
Afrika, Amerika —	MS16 (US\$8)	MS44 (US\$22)

(Langganan Setahun)

Pena Penyunting

Pengubalan pindaan kepada Akta Pertubuhan dan Perlembagaan Malaysia yang telah diluluskan oleh Parlimen dan kemudiannya diwartakan dengan sertamerta telah membawa penentangan daripada banyak pihak yang berbeza. Buat kali pertama dalam sejarah politik moden kita, beberapa pihak yang amat berlainan telah mula bekerjasama dalam usaha menentang pindaan-pindaan ini. Sebahagian besar dari mereka ini telah bersatu padu di bawah Jawatankuasa Penyelaras bagi menentang pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan yang diketuai oleh Anwar Ibrahim yang juga merupakan ketua ABIM. Sempena ulangtahun Hari Kemerdekaan yang ke 24, jawatankuasa ini telah menganjurkan suatu simposium mengenai 'Kebebasan dan Masyarakat'.

Dalam perjumpaan yang bersejarah ini, beberapa kertaskerja dari beberapa sudut telah dibentangkan untuk perbincangan dan perbahasan umum. NI telah memetik bahagian-bahagian tertentu dari beberapa kertas-kertas kerja untuk pembaca NI, termasuk sumbangan presiden ALIRAN mengenai *Sebab-sebab dan Kesan-kesan Merosotnya Kebebasan di Malaysia*, kertaskerja wakil Persatuan Ulama Malaysia, Ustaz Hasan Salehuddin mengenai *Kebebasan dan Islam* dan ceramah wakil PKAUKM yang bertajuk *Ekonomi Bebas atau*

Pembebasan Ekonomi. Soal utama yang timbul dari perjumpaan ini ialah apakah ianya akan membawa kepada kerjasama yang lebih erat demi menuntut kemajuan, kebebasan dan keadilan atau ia akan lenyap begitu sahaja?

Tidak seperti rantau lain (terutama sekali Asia Tenggara), pertentangan di Timor Tengah masih adalah antara Amerika Syarikat serta kuncunya terutama sekali Israel, dan rakyat Arab, terutamanya bangsa Palestin. Selepas serangan Israel terhadap Iraq menjelang pilihanraya Israel, yang dimenangi sekali lagi oleh PM Menachem Begin, pemerintah Israel telah menyerang Lubnan Selatan di mana terdapat ramai pelarian Palestin dan puak kiri Lubnan.

Di samping itu, gerakan tentera A.S. di Lautan Mediterranean telah mencetuskan pertempuran dengan Jamahariyah Libya yang ingin mempertahankan kawasan perairan dan udaranya. Peristiwa ini telah berlaku beberapa hari setelah pemerintah A.S. telah mengugut pemerintah Libya secara terbuka.

Keluaran NI juga mengandungi wawancara dengan dua tokoh Islam kiri atau sosialis, iaitu Kassim Ahmad, sasterawan dan ahli politik terkenal yang mengetuai Partai Sosialis Rakyat Malaysia semenjak 1968, dan Ahmad Ben Bella, pemimpin revolusi Algeria yang pernah menjadi presidennya yang sulung.

Selamat membaca dan salam sejahtera. **NI**

itu.

Saya tidak menafikan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai selepas merdeka. Saya juga tidak berbangga atau mengagungkan zaman penjajah dan penjajahan. Tetapi hendaklah kita mencelik mata dan menerima kenyataan sebagai satu kenyataan. Tanpa mengambil kira samada ianya baik atau buruk.

Jika hendak mengukur atau membandingkan kemajuan yang telah dicapai oleh negara selepas dan sebelum merdeka, hendaklah diambil kira perubahan dan kemajuan dunia sejak dua puluh empat tahun yang lalu. Biarlah perbandingan kita itu adil dan saksama.

Kemajuan yang lebih 'progresif' hanya akan dicapai andaikata kita berbangga dengan kejayaan tanpa mengenyepikan dan menafikan kegagalan yang turut dihadapi.

Kejayaan adalah sumber memperkukuhkan semangat, kegagalan adalah sumber pengajaran.

Sekali MERDEKA tetap MERDEKA, MAJU dan PROGRESIF!

NI

Sempena Hari Kemerdekaan

DIN, SHAH ALAM: Sempena menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia yang kedua puluh empat tahun, inginlah saya mengutarakan pandangan peribadi untuk bahan renungan bersama.

Tahun demi tahun, hari kemerdekaan disambut dengan pihak kerajaan mencanangkan kejayaan kejayaan yang telah dicapainya. Tahun demi tahun juga kita disogokkan dengan perbandingan-perbandingan yang 'positif' di antara keadaan rakyat sebelum dan selepas merdeka.

Jika kita boleh berbangga dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai selepas merdeka, mengapa pula kita tidak mahu menerima hakikat bahawa kegagalan dan kemunduran juga telah berlaku di dalam kerajaan selepas merdeka.

Menyentuh soal perbandingan yang 'positif' pula, aspek-aspek perubahan masa dan zaman, kesan

perubahan dan kemajuan dunia akibat dari kemajuan sains dan teknologi tidak langsung diambil kira dan disentuh.

Umpamanya kita berbangga dengan pembangunan pesat yang telah dicapai oleh negara selepas merdeka. Kita berbangga dengan bangunan-bangunan pencakar langit. Berbangga dengan jalanraya yang semakin luas dan lebar, serta dengan lebuhrayanya yang merintang jauh. Segalanya ini kononnya tidak pernah wujud dan dimimpikan di zaman penjajahan dulu.

Tapi kita lupa bahawa dua puluh empat tahun yang lalu dan sebelumnya, bangunan pencakar langit juga tidak wujud di Britain atau di mana-mana sekalipun. Lebuhraya juga tidak wujud. Jalanraya yang dianggap sempit di zaman penjajah, dibandingkan dengan zaman ini, mungkin cukup luas bagi penggunaan kenderaan-kenderaan di zaman

KASSIM AHMAD



Kassim Ahmad

NI: *Apakah pengaruh sekeliling yang mendorong saudara berminat dalam politik tanahair sebelum memasuki universiti?*

KA: Minat saya dalam politik ini saya ingat dari masa saya di bangku sekolah. Kira-kira dalam darjah 7 atau darjah 8 saya dah mula berminat.

Keadaan sekeliling, saya kira ada tiga yang penting. Pertama, memang saya sendiri berasal dari keluarga yang boleh dikatakan golongan yang miskin. Orang tua saya sendiri adalah seorang guru sekolah agama yang juga bekerja sebagai petani. Keluarga saya memang daripada orang kampung, orang yang menanam padilah, yang agak sempit kehidupan mereka. Jadi saya lahir dan besar dalam keadaan begitu.

Yang kedua, pembacaan saya pada waktu itu, banyak di dalam bidang aliran pembaharuan Islam. Satu majalah yang saya paling suka pada waktu itu ialah *Islamic Review*, yang diterbitkan di London. Ia memuatkan makalah-makalah. Yang mengutarakan pemikiran di

dalam Islam, khasnya bagaimana falsafah Islam boleh mengatasi masalah masyarakat.

Yang ketiga ialah pergolakan politik pada waktu itu — iaitu perjuangan kebangsaan sedang meningkat pada tahun 1949, 50, 51 dan 52.

NI: *Saudara juga diketahui aktif semasa menjadi pelajar di Universiti Malaya di Singapura. Bolehlah saudara terangkan kegiatan saudara di sana?*

KA: Ya, saya aktif dalam beberapa pertubuhan, tetapi bukan persatuan pelajar. Saya tak aktif dalam union, tetapi dalam persatuan Mahasiswa Islam. Dalam tahun pertama saya menjadi Presiden Persatuan Mahasiswa Islam. Saya aktif dalam gerakan badan Bahasa dan Kesusasteraan iaitu Persatuan Bahasa Melayu dan di dalam sidang pengarang bahasa. Dan saya kemudian menjadi ahli Klub Sosialis dan juga duduk di dalam jawatankuasa Klub Sosialis Universiti Malaya pada tahun yang ketiga dan keempat.

NI: *Bagaimana pula dengan kegiatan saudara semasa di London.*

NI: Saya pergi ke London dalam tahun 1962, bulan Februari. Saya bercampur dan bergerak dalam sebuah badan pertubuhan politik pelajar-pelajar Malaysia, iaitu "*Young Socialists*" yang sudah wujud pada waktu saya sampai. Kebanyakan ahlinya kalau saya tak silap datang dari anggota ranting Parti Rakyat di London, yang ditubuhkan oleh bekas Presiden Parti Rakyat Ahmad Boestaman waktu beliau singgah di London mungkin pada awal tahun enam puluhan. Anggota-anggota yang menganggotai "*Young Socialists*" itu adalah terdiri dari anggota Parti Rakyat ranting London. Jadi saya ada campur dalam badan ini sewaktu saya di London.

NI: *Saudara ke London untuk mengajar di sana?*

KA: Saya memang pergi ke situ untuk mengajar di SOAS — *School of Oriental and African Studies*, Universiti London — saya mengajar bahasa dan kesusasteraan Melayu. Selepas saya mendapat ijazah MA, saya bekerja


perubahan yang besar ataupun mempertahankan sistem yang lama. Jadi itulah suatu perkara yang saya fikir soalan yang terbuka.

NI: *Bagaimana layanan yang saudara dan tahanan-tahanan politik lain terima semasa dalam tahanan?*

KA: Pada masa soal siasat — *interrogation* — tempoh itu

Jadi kalau kita tak tahan, masa itulah yang kita mengaku segala tuduhan palsu yang mereka buat, dan buat pengakuan terbuka di depan T.V.

berbeza-bezalah dari seorang ke seorang, antara dua bulan dengan sembilan bulan. Bagi saya, saya terima sampai sembilan bulan. Dalam masa dua bulan itu paling teroklah — pahit dan terok pengalaman kita — khasnya dua minggu yang pertama di mana bukan hanya kita duduk di kurung perseorangan tetapi kita disoal, disiasat 24 jam. Kita tidak mendapat apa-apa kemudahan, tidur atas simen, tidak berbantal, tidak bertilam, tidak ada tuala, tidak ada sabun, tidak ada berus gigi. Cara soalan-soalan itu agak cukup kasar — dia menghinakan kita, dia memaki kita, mengherdik, mencarut — macam-macam lah, dengan tujuan menghinakan, memprovokasi, mematah semangat kita. Jadi kalau kita tak tahan, masa itulah yang kita mengaku segala tuduhan palsu yang mereka buat, dan buat pengakuan terbuka di depan T.V. Tetapi kalau kita lulus ujian itu, tahan, khasnya dua minggu itu dan selanjut dua bulan itu, boleh dikatakan kita dapat tahan perkara yang lebih berat dari itu. Saya



Kassim ditahan oleh Cawangan Khas pada 3.11.76

dihantar ke Kamunting selepas sembilan bulan. Jadi di sana keadaan yang lebih baiklah, dibandingkan dengan suasana soal-siasat.

NI: *Tidak ada kegunaan keganasan?*

KA: Keganasan pada saya tidak ada. Tetapi banyak yang saya tahu diperlakukan agak kasar. Macam-macam lah

caranya — dibakar dengan puntong rokok, dipukul dengan lilin atau tali getah, dimasukkan di dalam bilik sejuk ais, dibuka hawa dingin, dan beberapa cara lagi untuk menyiksa seseorang tahanan itu untuk mendapatkan pengakuan.

NI: *Semasa di Kamunting, saudara telah ditumbuk oleh seorang tahanan lain dan Encik Sanusi Junid telah mendakwa bahawa saudara ditumbuk kerana menyatakan manusia berasal dari buruk. Adakah dakwaan ini benar? Sekiranya tidak, apakah tindakan yang telah dan akan saudara ambil untuk menafikan tohmah ini?*

KA: Kenyataan itu memang palsu dan kita pun sudah menafikan dakwaan pihak Menteri itu di dalam kenyataan Parti saya yang dikeluarkan atas nama Datuk Kampo Rajo sebagai Timbalan Pengerusi dan Sdr. Abdul Razak sebagai Setiausaha Agung. Apabila mereka melawat saya dan dapat taklimat daripada saya, maka dikeluarkan kenyataan itu yang hanya disiarkan oleh *Star*. Memang kenyataan Menteri itu tidak betul. Pada waktu itu memang saya sudah berunding dengan peguam Parti dan memang kita ada kes untuk mendakwa beliau atas alasan mencela, tetapi oleh kerana saya pada waktu itu dan orang-orang yang menjadi saksi di dalam hal ini, adalah tahanan politik di bawah perintah mereka, jadi ada beberapa masalah yang mungkin timbul. Oleh itu kita tidak meneruskan dengan kes itu pada waktu itu.

NI: *Semasa dalam tahanan saudara juga telah mengarang sebuah buku yang berjudul Tiori Sosial Islam Moden yang telah dikritik oleh Mimbar Sosialis. Apakah sikap saudara terhadap kritikan itu terutama sekali terhadap golongan yang menganggap sosialisma itu tidak bercanggah dengan Islam malah bersesuaian dengan Islam.*

KA: Sebenarnya perkara itu tidak patut berlaku. Tetapi malangnya setengah kalangan itu sudah mendapat risalah atau keluaran *Mimbar Sosialis* pada waktu itu. Sebenarnya dalam parti perkara itu sudah dibekukan. Keluaran itu tidak disebarkan pada umum, dan Kongres PSRM di Trengganu baru ini telah menyelesaikan masalah itu sebagai suatu masalah dalam keluarga kita.

Dari segi buku itu sendiri dan isinya, ini berasal dari suatu debat yang tak jadi antara saya dan Ketua Pemuda PAS, Mustapna Ali. Mula-mula dia sanggup terima.

sekejap di Dewan Bahasa dan selepas saya mendapat tawaran ini, saya pergi ke London.

NI: *Mengapakah saudara dan golongan sayap nasionalis kiri menentang penubuhan Malaysia di awal tahun 60an?*

KA: Pada waktu itu, memang parti-parti kiri, khususnya dalam 'Front Socialist' di Malaya dan Barisan Sosialis di Singapura, dan ada satu dua parti lain yang ada bergabung untuk membantah penubuhan Malaysia atas alasan ini adalah satu rantingan neo-kolonial untuk mempertahankan kepentingan penjajah Inggeris di Malaya, Sabah dan Sarawak.

NI: *Setelah pulang dari London, golongan saudara dan juga golongan muda dalam Partai Rakyat telah mengambil alih pucuk pimpinan parti dan membawa perubahan menyusun semula parti. Apakah pandangan sdr. sekarang tentang perubahan itu?*

KA: Perubahan pucuk pimpinan itu berlaku dalam tahun 1968 di mana saya dipilih menjadi Pengerusi setelah Ahmad Boestaman menolak pencalonan beliau. Ada



Kongres Pertama PRM (1955)

tuduhan timbul kemudian bahawa ini adalah suatu rampasan kuasa golongan muda yang saya wakili. Tetapi ini tidak benar sebenarnya, kami memang memerlukan tenaga saudara Ahmad Boestaman pada waktu itu dan kami masih mahu beliau menduduki di dalam kepimpinan. Tetapi oleh kerana sudah ujud suatu golongan kecil yang mahu menjadikan perkara ini perkara pertentangan yang tidak dapat dirundingkan maka itu berpecah.

NI: *Bolehkah saudara mengulas tentang peristiwa-peristiwa pada 1976 yang telah membawa kepada penahanan saudara dan apakah implikasinya terhadap peralihan dalam pucuk pimpinan UMNO baru-baru ini?*

KA: Pada waktu itu berlaku satu pergolakan politik di dalam negeri kita, di dalam UMNO sendiri dan boleh

dikatakan di Tenggara Asia. Kejatuhan Vietnam telah menyebabkan golongan-golongan kanan di negara-negara Tenggara Asia itu merasa cemas dan takut kerajaan-kerajaan yang ujud pada waktu itu akan jatuh pada tangan komunis. Ini teori *domino*. Pada waktu itu negeri kita berpegang pada dasar berkecuali sebagai dasar luar, yang agak tegas mempertahankan dasar kecuai di bawah pimpinan Tun Razak. Tetapi di Thailand, Filipina dan juga di Indonesia, dasar itu sudah lemah. Jadi pihak golongan yang tertentu mahu mengubah keadaan ini supaya dasar berkecuali, yang mereka anggap pro pada komunis, diubahkan menjadi dasar yang pro pada Amerika. Dan berlaku oleh sebab itu perebutan kuasa dalam pimpinan UMNO sendiri selepas kematian Tun Razak. Dan timbul satu aliran kanan yang mencapkan siapa saja yang berfahaman lain dari mereka itu sebagai sosialis atau komunis. Kalangan ini yang menimbul satu macam 'witch-hunt' — secara melulu memburu orang-orang yang mereka menganggap musuh pada mereka. Jadi dalam keadaan inilah, suasana politik agak kelam-kabut dan beberapa orang ahli politik, wartawan di tahan atas alasan mereka ini nak melaksanakan Barisan Bersatu Komunis. Jadi apabila timbul pimpinan baru, Hussein Onn memegang jawatan Perdana Menteri, beberapa orang politik ditahan, termasuk saya sendiri, sehinggalah berlaku perubahan pimpinan baru ini dalam UMNO dan dalam kerajaan yang mana telah membebaskan 21 orang termasuk saya tanpa syarat.

Dari segi individu, pada pendapat saya, Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam memang mewakili golongan yang lebih maju fikirannya dalam pimpinan UMNO sekarang ini. Sejauhmana pimpinan sekarang boleh membawa perubahan-perubahan yang bermakna bagi rakyat kita, masih menjadi pertanyaan. Dan Dr. Mahathir sendiri meminta satu tahun bagi tempoh yang akan membolehkan hasil-hasil kerajaannya dilihat. Dan kita mahu buat suatu ramalan pun hanya setakat Dr Mahathir dan Musa Hitam. Walaupun dari segi individu mereka merupakan pemimpin-pemimpin yang lebih maju fikirannya dalam UMNO, mereka bergerak dalam bidang politik UMNO dengan dasar-dasar yang tertentu. Tetapi peralihan ini dalam UMNO, saya fikir adalah suatu perkara yang wajar, dan bagi seluruh negara kita, suatu perkara yang tidak dapat dielak untuk membuka satu jalan bagi masa depan negara kita, sebab banyak masalah sedang dihadapi yang memerlukan suatu pendekatan yang berlainan, yang boleh membawa kepada penyelesaian-penyelesaian masalah yang kita hadapi, walaupun penyelesaian itu dari segi jangka panjang. Maknanya kalau kita ambil masalah kemiskinan dalam negeri kita, masalah ini masih besar dan memerlukan tindakan yang melibatkan perubahan susunan ekonomi kita hari ini. Yang dalam keadaan sekarang UMNO mempertahankan susunan ekonomi itu tetapi tidak syak lagi mereka akan menghadapi alternatif samada mahu membuat

Cabaran saya untuk berdebat, kerana dia buat suatu kenyataan mengatakan bahawa sosialisma tak sesuai dengan Islam. Jadi saya cabar dia dalam surat khabar untuk berdebat. Dia terima mula-mula tetapi pada saat akhir dia tarik diri. Kemudian saya minta supaya dianjurkan suatu ceramah untuk membincangkan perkara ini. Jadi dalam ceramah itu, saya bincangkan masalah dasar Islam dalam konteks masyarakat hari ini. Berasal dari ucapan itu, saya pinda dan memperpanjangkan menjadi risalah itu. Perakara itu memang suatu perkara yang minat saya dari lama, tapi suatu perkara yang besar yang tak dapat dihuraikan dengan memuaskan dalam satu risalah yang pendek. Jadi beberapa kenyataan yang mungkin tidak begitu terang dan ditafsirkan berbeza-bezalah. Itu yang timbulkan kontroversi. Ada yang setuju, ada yang tak setuju. Tapi pokoknya, dalam risalah itu, tujuan saya adalah untuk mengemukakan bahawa teori sosialis ini sesuai dan tidak bercanggah dengan Islam. Teori sosial Islam yang bermakna pada hari ini haruslah mempunyai persamaan dengan beberapa aspek teori sosialis sendiri, khasnya dari segi soal pemilikan dan pembahagian kekayaan di dalam masyarakat. Itu secara pokok, secara ringkas.

Dan balik pada kritik apabila kritik timbul dalam Mimbar Sosialis, yang memang pada dasar Parti tidak dapat dikemukakan dalam risalah Parti, saya sudah jawab. Dan dalam jawapan itu, saya mengatakan bahawa tujuan saya menulis risalah itu adalah menunjukkan bahawa dasar sosialis itu sesuai dan tidak bercanggah dengan Islam. Tetapi oleh kerana perkara itu kita tidak mahu panjangkan, di dalam Kongres, kita sudah buat keputusan bahawa perkara itu ditutup di situ dan diselesaikan sebagai suatu masalah keluarga di dalam Parti.

NI: *Kami juga mendapat tahu bahawa ada buku yang*

saudara karang semasa dalam tahanan telah dirampas oleh pihak berkuasa. Bagaimanakah perkara ini berlaku?

KA: Ya, saya sebenarnya disiasat dua kali. Kali yang pertama itu sosial-siasat boleh dikatakan sopan dan sederhana dan dalam masa tiga minggu telah selesai. Jadi mengikut peraturan dalam ISA itu selepas 60 hari mestilah keluar perintah samada ditahan ataupun dibebaskan. Jadi lima minggu ini lagi ada masa di mana saya tak dipanggil lagi kerana persoalan sudah habis. Jadi saya minta kertas dan pen dan diberi oleh pihak berkenaan. Jadi saya tulislah dan menyelesaikan novel saya yang pertama cerita riwayat hidup seorang penulis. Tulis tangan deraf sahaja. jadi selesai itu, Bila dah selesai saya tanya pegawai bolehkah saya serah kepada isteri saya untuk ditaip supaya senang saya semak. Jadi dia kata beri dia tengok. Saya beri pada dia dan selepas seorang-seorang baca — dia kata boleh diluluskan. Tetapi sekarang ketua dia pula minta dan sedang baca. Jadi seorang-seorang baca sampai ke Pengarah *Special Branch* — Amin Osman, sekarang Timbalan Ketua Polis Negara. Jadi saya minta tiap-tiap hari, mana saya punya karangan sampai sembilan bulan sehingga saya pindah ke Kamunting. Duduk di situ kira-kira sebulan saya tengok berita surat khabar satu hari kata novel *Zaman Pancaroba* oleh Kassim Ahmad diharamkan (Ketawa). Itu dia. Belum lagi terbit, seolah-olah macam masih dalam fikiran saya, sudah diharamkan! (ketawa)

NI: *Saudara juga diakui sebagai seorang tokoh analisa dan kritikan sastera tanahair. Apakah pandangan saudara tentang perkembangan sastera Melayu dalam beberapa tahun kebelakangan ini?*

KA: Saya fikir tidak ada apa yang boleh dibanggakan, sebab dalam keadaan sekarang ini, di mana kebebasan menulis tidak wujud. Kebanyakan penulis mengharap hadiah dari kerajaan. Jadi kalau kebebasan menulis tidak



Kongres Nasional Ke-17 (1978)

ada, jadi penulis-penulis yang serius itu tak dapat nak menerbitkan karya yang bermutu kerana sekatan-sekatan.

NI: *Bagaimana pula pendapat saudara tentang apa yang dikatakan Sastera Islam?*

KA: Saya tak fikir kebanyakan orang yang bercakap tentang sastra Islam ini faham apakah yang sebenarnya mereka maksudkan. Lebih banyak sentimen dari fahaman. Pada pendapat saya dari segi Islam, sastera yang menimbulkan dan yang menonjolkan nilai-nilai yang berasaskan kebenaran, keindahan, keadilan, ini memang sesuai dengan ajaran-ajaran Islam, dan mengkritik atau mencegah kepalsuan, kezaliman, keburukkan dalam masyarakat dan dalam peribadi manusia, ini

konsep ini di kalangan antarabangsa sudah dipersoalkan oleh ahli-ahli pemikir di Dunia Ketiga. Sekarang konsep keperluan pokok harus digabungkan dengan konsep pertumbuhan ekonomi, dengan konsep pembangunan yang baru. Inilah perkara yang saya fikir penting untuk pembangunan kita. Pembangunan kita harus membangunkan seorang individu, satu masyarakat yang seimbang — *'balanced'* — tidak semata-mata untuk kemewahan dan untuk bahan-bahan material; tetapi menimbulkan nilai-nilai kemanusiaan, nilai-nilai kebebasan, dan sebagainya.

NI: *Apakah pula cabaran untuk golongan kiri?*

KA: Cabaran memang ujud dulu, ujud sekarang dan akan ujud lagi dari segi kaum imperialis yang telah dan akan

Pada pendapat saya, dari segi Islam, sastera yang menimbulkan dan menonjolkan nilai-nilai yang berasaskan kebenaran, keindahan, keadilan, ini memang sesuai dengan ajaran-ajaran Islam,

memang sesuai dengan Islam. Ini boleh kita dikatakan sebagai Sastra Islam dari segi konsep yang pokok, yang luas — tidak bermakna ditulis oleh seseorang yang namanya Haji sekian-sekian. Maksud saya dari segi formaliti Islam, tetapi dari segi isinya tidak ada beza dengan sastra lain.


NI: *Sajak saudara bertajuk "Sidang Roh" pernah digunakan bagi mensifatkan saudara sebagai seorang aethist. Adakah tafsiran itu tepat?*

KA: Ini memang tidak tepat dan — saya fikir orang-orang atau kebanyakan orang politik yang membuat kesimpulan seperti itu, mereka sendiri tahu apa maksud saya yang sebenar. Tapi oleh kerana kepentingan politik untuk menggunakan itu sebagai senjata politik, menentang saya dan parti saya.

NI: *Memandangkan keadaan masyarakat kita sekarang, apakah pendapat saudara masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat kita dan apa pula cabaran utama bagi golongan kiri?*

KA: Kita boleh pandang dari dua segi. Satu segi pemikiran, ideologi, falsafah, dan kedua dari segi kehidupan ekonomi dan material. Jadi masalah cara hidup yang dikuasai oleh sistem penjajahan samada dalam bentuk ekonomi, sosial ataupun bentuk ideologi, falsafah, ini harus diatasi, dihapuskan untuk diganti dengan satu cara hidup, satu sistem sosial yang merdeka, yang mempunyai identiti, kita sendiri dan juga falsafah ideologi yang merdeka, yang bebas dari pengaruh sistem penjajahan atau Imperialisma. Dan ini masalah yang paling besar pada pendapat saya. Iaitu dari segi itu, umpamanya konsep pembangunan yang berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi, kehidupan material yang mewah samada dari pandangan Blok Amerika, atau Blok Timur, tetapi yang berdasarkan pada kemewahan material,

menggunakan berbagai-bagai cara untuk memomokan perjuangan rakyat kita termasuk golongan kiri, untuk mengujudkan suatu masyarakat yang lebih adil, lebih saksama, aman dan bersatupadu. Cabaran mesti ujud, telah ujud dan akan ujud dan kita harus sanggup menghadapi cabaran ini dengan kebijaksanaan kita sendiri tanpa mengorbankan prinsip kita. Di samping itu rakyat kita memang masih tidak begitu faham apa itu perjuangan sosialis umpamanya, atau apa dia perjuangan kiri. Mereka kurang faham dan kesederan ini perlu diberikan kepada mereka dalam perjuangan golongan kiri, golongan progresif dalam masyarakat kita. Asal kita faham bahawa perjuangan kita ini memang tidak bercanggah dengan satu falsafah yang berdasarkan kerohanian — *spiritual* **NI**



Anggota-anggota PRM

KEBEBASAN

"Punca Dan Akibat Merosotnya Kebebasan"

Dr. Chandra Muzaffar

Sebelum kita mengkaji keadaan kebebasan di Malaysia selepas Merdeka harus saya membuat beberapa ulasan umum tentang 'Kebudayaan Politik' di negara ini yang dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan sejarah dan sosial tertentu.

Sejarah tradisional dan sejarah kolonial tidak membantu langsung pembangunan demokrasi selepas Merdeka.

Dalam masyarakat tradisional umpamanya kuasa simbolik Sultan dan kuasa hakikat ketua-ketua jajahan tidak membenarkan penyer-taan rakyat biasa dalam proses pemerintahan. Lebih penting, amalan taat membuta tuli kepada pemerintah dalam masyarakat tradisional menjejaskan wujudnya sikap positif terhadap kebebasan di kalangan orang ramai.

Falsafah dan sifatnya kolonialisme menafikan sama sekali penyertaan golongan yang dijajah dalam proses pemerintahan ibu pertiwi mereka sendiri.

British tidak pernah memperkenalkan nilai-nilai demokrasi walaupun mereka mengadakan pilihanraya umum dan majlis-majlis tempatan yang dipilih oleh rakyat. Mewujudkan institusi-institusi demokrasi untuk menghalalkan proses peralihan kuasa yang dicorakkan oleh British demi kepentingannya sendiri tidak boleh di-

sifatkan sebagai usaha menyemai-kan nilai-nilai demokrasi.

Oleh kerana perjuangan untuk Merdeka tidak disertai dengan satu tenaga intelektual yang dinamis yang cuba mengertikan kebebasan dengan lebih luas dan lebih mendalam, maka fahaman kita tentang kebebasan pada 1957 boleh ditaksirkan sebagai cetek dan cangkat. Bagi pemimpin-pemimpin Merdeka, demokrasi tidak lebih daripada pilihanraya, Parlimen dan pemisahan kuasa antara badan perundangan, badan pelaksanaan dan badan kehakiman.

Walaupun kaum bukan Melayu sudah mula bermastautin dalam tahun-tahun tiga-puluhan, psikologi immigrannya masih berterusan dalam aspek-aspek hidup tertentu. Sebagai contoh, bukan Melayu pada keseluruhannya lebih mengutamakan keselamatan dan kenaikan pangkat daripada hal asasi dan kebebasan sivil.

Di kalangan masyarakat Melayu pula, sikap taat membuta tuli dari zaman tradisional masih menghalang perkembangan nilai-nilai demokratik. Ini adalah kerana golongan yang berpengaruh ingin mengekalkan amalan ini supaya penguasaannya atas masyarakat Melayu terus terjamin.

Sebahagian besar daripada rakyat kita enggan menyuarakan pendapat mereka atau membahas-

kan persoalan-persoalan yang penting kerana takut keamanan akan terancam dan huru-hara berlaku. Perasaan takut ini adalah akibat daripada sosialisasi politik yang berlarutan di mana setiap perkara ditafsirkan mengikut garis-garis perkauman.

Rakyat sanggup menerima beberapa sekatan-sekatan terhadap kebebasan mereka berdasarkan kenyataan keganasan komunis, pemerintahan dapat menggunakan ancaman komunis sebagai alasan untuk menghadkan kebebasan.

Pendirian Kerajaan dalam krisis-krisis antara 1957 dan 1969 tidak mengecewakan dari segi kacamata kebebasan.

Antara 1957 dan 1969, walaupun Kerajaan lebih berpengaruh daripada golongan-golongan yang lain dalam pembentukan fikiran orang ramai, parti-parti pembangkang dan kumpulan-kumpulan sosial yang lain juga diberi peluang



menyampaikan pandangan mereka.

Kebebasan wujud bukan sahaja dari segi fahaman-fahaman yang berbeza, bahkan dalam cara kritikan-kritikan disampaikan. Dibandingkan dengan tahun-tahun tujuh puluhan, kritikan-kritikan yang dilemparkan pada Kerajaan dalam tahun-tahun enam puluhan boleh disifatkan sebagai lebih 'tajam' dan lebih 'pedas'.

Pandangan-pandangan yang berbeza ini bukan monopoli parti-parti politik semata-mata. Kesatuan-kesatuan sekerja juga menyuarakan pandangannya tentang kontroversi-kontroversi politik; malah mereka mengadakan mogok untuk menyokong tuntutan-tuntutan tertentu. Walaupun bilangan pelajar-pelajar Universiti dan Kolej agak kecil pada masa itu, namun mereka tidak ketinggalan dalam penglibatan dalam soal-soal kemasyarakatan.

Apakah faktor-faktor yang bertanggungjawab atas unsur-unsur kebebasan ini antara 1957 dan 1969? Pertamanya, Kerajaan Malaysia pada 1957 telah mewarisi dan berjaya mengekalkan sistem pentadbiran yang cekap dan teratur. Oleh kerana Kerajaan dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan rakyat, kedudukan politiknya setabil kerana kestabilan politik inilah, pemerintahan bersikap toleran pada pendapat-pendapat yang berbeza.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat yang tercapai membenarkan Kerajaan kita memenuhi kepentingan-kepentingan kumpulan-kumpulan tertentu. Kemampuan Kerajaan Malaysia memenuhi hasrat dan harapan kumpulan-kumpulan elit terutamanya dari segi kebendaan memadamkan semangat penentangan. Oleh kerana tidak ada penentangan daripada kumpulan-kumpulan elit keseluruhannya Kerajaan sebelum 1969 tidak kluatir tentang kuasanya.

Pada keseluruhannya, UMNO antara 1957 dan 1969 adalah bebas daripada puak-puak dan khemah-

khemah. Perpaduan dan persefahaman di kalangan Perikatan bermakna pemimpin-pemimpinnya tidak gelisah tentang puak dan perpecahan dalam gabungan mereka.

Selain daripada keyakinan yang dipengaruhi oleh keadaan, kebebasan wujud mungkin kerana sifat-sifat tertentu yang ada pada pemimpin-pemimpin utama pada masa itu. Tidak dapat disangkal bahawa Tunku yang menyanjung tinggi sistem pemerintahan British percaya pada parlimen dan pilihanraya.

Tetapi sifat yang lebih kuat mempengaruhi sikap kepimpinan

kan keyakinan mereka. Itulah sebabnya bila keadaan berubah, pemimpin-pemimpin tertentu daripada golongan 1957 ini tidak teragak-agak menggantungkan demokrasi berparlimen pada 1969.

Sebelum membincang peristiwa 1969 itu, kita akan menghuraikan keadaan demokrasi antara 1969 dan 1981. Dalam pilihanraya 1974 dan 1978 tempoh kempen telah dipendekkan pada tiga minggu. Parti-parti politik tidak dibenarkan mengadakan rapat umum. Hanya ceramah diizinkan. Larangan ini adalah satu kerugian besar kepada parti-parti pembangkang yang tidak



Tunjuk perasaan membantah campurtangan kerajaan

1957 terhadap demokrasi daripada orientasi Britishnya ialah sifat mengenal pembatasan (restraint). Sifat ini bermakna bahawa dalam penggunaan kuasa seseorang itu tidak melampaui sempadan-sempadan tertentu.

Kesedaran ini ada kaitannya dengan latarbelakang kepimpinan Merdeka, khususnya kepimpinan UMNO. Sebagai pemimpin-pemimpin dari istana atau pemimpin-pemimpin dari latarbelakang tradisional, golongan ini menganggap kuasa dan kekuasaan sebagai perkara biasa.

Keadaan yang mantap dan kukuh inilah yang meyakinkan kepimpinan bahawa mereka boleh mengamalkan demokrasi. Sikap dan sifat peribadi hanya memperkukuh-

dapat menyampaikan pandangan-pandangan mereka melalui radio dan television yang dimiliki Kerajaan atau akhbar-akhbar yang dikawal oleh Kerajaan.

Keadaan Parlimen juga telah berubah. Beberapa pindaan yang dibuat tahun lalu pada peraturan-peraturan parlimen mengenai persembahan usul dan perbahasan telah mengurangkan lagi peluang bagi pembangkang untuk membicarakan dasar-dasar Kerajaan dan mengemukakan pandangan-pandangannya. Jika ditinjau dari satu segi yang lain, perubahan ini melemahkan badan perundangan dan memperkuat lagi badan pelaksanaan — iaitu Kerajaan.

Proses ini lebih ternampak dalam undang-undang tertentu yang di-

gubalkan sejak 1978. Pindaan-pindaan yang memberi kuasa kepada Kabinet untuk meluluskan undang-undang dalam keadaan dharurat di mana dharurat 1969 kononnya belum tamat adalah satu daripada contohnya. Contoh yang lebih penting ialah pindaan pada perlembagaan yang dilakukan pada 1981 di mana Yang DiPertuan Agong yang menerima nasihat daripada Kabinet boleh mengisytiharkan dharurat sungguhpun kejadian-kejadian yang memerlukan perisytiharan itu belum berlaku. Dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kabinet dalam tempoh dharurat itu tidak boleh dicabar dalam mahkamah. Kuasa Kabinet yang luas dan menyeluruh, kuasa Kabinet yang mutlak dan berdaulat inilah yang memperkecilkan dan merendahkan kedudukan Parlimen sebagai badan yang harus mengawasi fungsi Kabinet.

Pindaan perlembagaan 1981 sepertimana dengan undang-undang yang lain yang mempunyai tujuan yang sama membawa kesan-kesan yang kurang sihat terhadap sistem kehakiman. Hak kehakiman mengu- langkaji tindakan-tindakan Kerajaan agar prinsip-prinsip perlembagaan tidak terjejas telah hilang maknanya kerana mahkamah tidak dapat menilai keputusan-keputusan Kerajaan dalam bidang-bidang tertentu.

Tetapi antara kehakiman dan Parlimen, Parlimenlah yang lebih tersekat dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Sekatan ini terdapat bukan sahaja dalam peraturan-peraturan, bahkan juga dalam hak membahaskan persoalan-persoalan masyarakat.

Parlimen jarang membahaskan soal-soal asasi mengenai konsep pembangunan, falsafah negara, arah perkembangan politik, bentuk kebudayaan kebangsaan... Akibatnya, Parlimen dan rakyat tidak terlibat dalam proses pembentukan negara dengan ertikata yang sebenar yang selaras dengan sifat sebuah

masyarakat demokratik. Ini adalah kerana pembentukan negara melalui saluran demokratik mesti bermula dengan penyertaan orang-ramai dalam usaha mengtakrifkan konsep-konsep asasi. Pembentukan negara di mana rakyat hanya dibenarkan menyuarakan pendapatnya dalam soal-soal pelaksanaan, di mana rakyat dilarang menyoal falsafah pembangunan ekonomi dan politik bukan pembentukan negara yang diidamkan oleh bangsa yang merdeka.

Sejak 1969, kebanyakan akhbar memilih jalan yang paling selamat

Di kalangan ahli-ahli akademik pula, sikap kritikal terbatas pada beberapa kerat individual. Namun, Kerajaan bimbang bahawa pendapat-pendapat mereka yang diutarakan melalui seminar dan forum akan menguntungkan pembangkang. Itulah antara sebab-sebabnya, peraturan-peraturan akademik diadakan pada tahun 1979.

Sekatan-sekatan yang dikenakan pada pelajar-pelajar universiti dan kolej jauh lebih dahsyat implikasinya. Melalui pindaan pada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1975, pelajar-pelajar dilarang



Penuntut-penuntut ditahan semasa menyokong rakyat


yang menolak sama sekali ulasan-ulasan kritikal terhadap dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan.

Dibandingkan dengan akhbar, kumpulan-kumpulan sosial mengalami lebih banyak kesulitan dalam dua belas tahun yang lalu. Kesatuan-kesatuan sekerja, misalnya, tidak boleh menceburkan diri dalam politik... Dalam soal-soal buruh sekali pun, kesatuan-kesatuan sekerja menghadapi masalah-masalah tertentu. Mogok — hak penting pekerja — sukar dilancarkan.

Sepertimana dengan buruh, penyertaan beberapa peguam-peguam dalam politik pembangkang tidak disenangi oleh Kerajaan. Itulah sebabnya peraturan-peraturan mengenai profesyen guaman telah dipinda dalam tahun 1976.

menyokong atau menambah pendirian atau pandangan sebarang parti politik atau organisasi sosial yang lain... setiap kegiatan persatuan-persatuan pelajar dikawal dengan rapi oleh pihak berkuasa universiti.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1975 berpunca daripada tunjuk perasaan pelajar-pelajar dalam 'peristiwa Baling' di hujung tahun 1974 dan demonstrasi-demonstrasi tersebut pelajar-pelajar cuba memberi sokongan moral kepada golongan yang miskin dan tertindas sepertimana dengan peristiwa Baling. Adakalanya, demonstrasi digunakan sebagai saluran untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap rasuah pemimpin-pemimpin tertentu. Tetapi, Kerajaan memandang



serong tindakan-tindakan pelajar ini. Demonstrasi dianggap sebagai satu cabaran yang hebat pada kewibawaan dan keutuhan. Sudah pasti, pemerintahan yang tidak senang dengan kritikan tidak bisa menerima demonstrasi!

Sikap negatif terhadap kritikan adalah akar tindakan yang diambil Kerajaan dalam 'krisis persatuan' yang baru berlaku.

Pertubuhan-pertubuhan yang mengulas dasar-dasar Kerajaan dan pelaksanaannya akan ditentukan sebagai 'pertubuhan politik'. Penentuan ini bertentangan dengan hak warganegara bertindak cara berkumpulan menengakkan kebenaran sepertimana termaktub dalam perlembagaan. Ini adalah kerana hak berkumpul dan bertindak dalam soal-soal yang bersabit dengan Kerajaan dan masyarakat adalah hal otomatis, hal biasa dalam demokrasi bernarlimen yang tidak memerlukan syarat-syarat yang lain.

Selain daripada itu, pindaan kepada Akta Pertubuhan 1981 menafikan peluang merayu kepada mahkamah sekiranya sebuah pertubuhan tidak puas hati dengan keputusan menteri yang berkenaan. Sekali lagi, martabat kehakiman diturunkan.

Sejak 1969, skop dan kesempatan bagi orang-orang menyertai proses demokrasi makin lama makin terbatas; setiap langkah yang diambil telah menambahkan kuasa Kerajaan dan mengurangkan kuasa cabang-cabang yang lain dalam sistem pemerintahan kita seperti parlimen dan kehakiman.

Tetapi ini tidak bererti bahawa kebebasan politik telah lenyap sama sekali. . . . Keadaan yang sedia ada di mana institusi-institusi demokrasi dikawal ketat menguntungkan Kerajaan: kuasanya tidak terancam dan imejnya sebagai negara demokrasi masih kekal.

Namun demikian harus kita menyelidiki faktor-faktor yang mengakibatkan kemerosotan kebebasan dalam dua belas tahun yang lalu. Keputusan pilihanraya 1969 adalah salah satu daripadanya.

Rusuhan tiga-belas Mei yang berlaku selepas pilihanraya dan dharurat dua-puluh satu bulan memberi kesempatan kepada pemimpin-pemimpin Perikatan menyusun semula struktur politik supaya pembangkang tidak dapat mengancam kedudukan mereka.

Peristiwa-peristiwa selepas pilihanraya bertanggungjawab atas kemerosotan kebebasan dari satu segi yang lain juga.

Sungguhpun Tun Razak telah menggantikan Tunku sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri, politik berpuk berterusan sepanjang pentadbiran beliau. Penyokong-penyokongnya yang berpadu pada satu masa dulu berpecah pada puak-puak yang bertentangan sesama sendiri.

Puak yang anti-Tunku dan pro-Tun Razak harus difahami dari dua sudut. Dari satu segi, tuduhan mereka bahawa dasar-dasar kemelayuan tidak begitu berkesan adalah berasas. Cita-cita mereka ingin menolong kaum Melayu bukan omong kosong. Tetapi, dari satu segi yang

lain, 'kepentingan golongan' atau 'kepentingan kelas' sendiri juga tersembunyi dalam perjuangan mereka. Cita-cita politik mereka, umpamanya, untuk menduduki jawatan-jawatan yang tinggi mustahil dicapai selagi elit Tunku masih kekal. Begitu juga dengan hasrat mereka mengujudkan golongan profesional, perindustrian dan perniagaan di kalangan kaum Melayu, khususnya di peringkat modal dan pengurusan, yang terbantut dan terhalang oleh pendekatan Tunku yang lebih cenderung pada pelanjutan peranan ekonomi kaum Cina. Adalah nyata bahawa pendekatan golongan baru lebih menguntungkan mereka sendiri daripada massa Melayu yang memerlukan perubahan-perubahan struktur yang menyeluruh.

Sekatan-sekatan sejak 1969 boleh disifatkan sebagai langkah-langkah yang bertujuan mempertahankan kepentingan golongan ini dari kelas menengah.

Untuk mengesahkan perjuangan kepentingan golongannya soal kaum diheboh-hebohkan. Kepentingan golongan disamakan dengan kepentingan kaum.

Pendekatan berdasarkan kaum terhadap soal-soal ekonomi dan politik ini telah mempengaruhi Kaum Cina dan India. . . . Sepertimana dengan golongan yang berkuasa dalam masyarakat Melayu, mereka juga melaungkan 'perpaduan kaum'.

Sesiapa yang mencabar konsep perkauman ini dicapkan 'pengkhianat bangsa'. Dengan cara ini kritikan terhadap perkauman di-

anggap sebagai sesuatu yang merbahaya.

Selepas tiga atau empat tahun terlaksananya dasar-dasar ekonomi dan politik golongan yang berkuasa akibat '13 Mei 1969', sebahagian daripada jenerasi muda kaum Melayu yang berjiwa Islam telah mula membidas konsep pembangunan pemerintahan. Kecaman yang sama datang daripada kumpulan-kumpulan yang lain. Tindakan-tindakan Kerajaan terhadap kumpulan-kumpulan ini yang telah saya membahaskan dalam bahagian yang lain memerosotkan lagi kebebasan dalam masyarakat kita.

Tidak dapat disangkal orang bahawa sekatan-sekatan yang lebih hebat daripada sekatan-sekatan yang biasanya dikenakan pada golongan-golongan muda ditujukan pada belia Islam yang kritikal. Ini mungkin disebabkan oleh dua faktor. Pertama, ideologi Islam mereka. Sejarah politik Malaysia telah membuktikan bahawa di kalangan kaum Melayu, Islam ialah saluran mobilisasi yang paling ber-

kesan. Keduanya, yang menentang terdiri daripada anggota-anggota dari kelas menengah Melayu — iaitu kelas yang memerintah, kelas yang mencipta DEB, kelas yang untung daripada DEB. Sudah pasti, penentangan daripada kelas ini tidak bisa diterima Kerajaan kerana inilah kelas yang dijangka membuktikan kesetiaan yang tidak berbelah.

Keadaan ekonomi dewasa ini telah mula berubah. . . . Perubahan-perubahan ekonomi ini mempengaruhi prestasi sistem demokrasi kita dari dua segi. Pertama, apabila ekonomi merosot, bantahan terhadap Kerajaan akan bertambah. . . . Keduanya, kumpulan-kumpulan yang kini puas dengan kedudukan ekonomi mereka dan sanggup memberi sokongan kepada Kerajaan akan terkeciwa jika keadaan kewangan negara gagal memenuhi cita-cita mereka.

Cara ringkas kita dapat mengatakan bahawa keputusan pilihanraya 1969, politik berpuak, golongan baru yang ingin mencapai matlamatnya tanpa kritikan, perkauman

yang berakar dalam kepentingan ekonomi, bantahan dari kumpulan Islam dari kelas menengah dan situasi ekonomi adalah antara punca-punca merosotnya kebebasan sejak 1969. Apakah akibat daripada keadaan ini?

Oleh kerana kumpulan-kumpulan sosial yang harus menceburkan diri dalam soal-soal masyarakat tidak dibenarkan menyertai proses demokratik satu keadaan akan wujud kelak di mana rakyat tidak memahami inti dan erti kebebasan. . . . Akhirnya, rejim yang berkuku besi, yang zalim dan kejam dapat mengekalkan pemerintahannya.

Ternyata bahawa akibat merosotnya kebebasan adalah merbahaya bagi masyarakat kita. Tetapi rakyat kita telah sedar bahawa sekatan-sekatan dan larangan-larangan terhadap hak asasi mereka mesti ditentang. Dalam proses mempertahankan kebebasan, mereka telah lebih insaf tentang pentingnya kebebasan. (NI)

Konsep Kebebasan Dalam ISLAM

UST HASSAN SALEHUDDIN

berdasarkan tulisan 'UMAR AL-SHAIBANY

Kebebasan merupakan antara prinsip-prinsip penting yang mempunyai nilai-nilai sejagat. Perbincangan mengenainya menimbulkan berbagai persoalan dan tanda tanya tentang perkara yang berkaitan dengannya. Ada 4 perkara penting yang perlu dibincangkan:

1. Konsep Kebebasan Dalam Islam
2. Sejauhmana keperluan manusia kepada kebebasan
3. Kepentingan kebebasan bagi manusia
4. Prinsip-prinsip yang menjadi dasar pandangan Islam terhadap kebebasan.

Dalam kertas ini hanya dapat di-

jelaskan pandangan Islam terhadap Kebebasan secara umum.

Konsep Kebebasan Dalam Islam

Kebebasan pada umumnya membawa erti:— 'Kemerdekaan dan kebebasan dari segala belenggu kebendaan dan kerohanian yang tidak sah yang kadang-kadang dipaksakan kepada manusia tanpa alasan yang benar, pada kehidupannya sehari-hari yang menyebabkan manusia tidak dapat menikmati hak-haknya yang sewajarnya dari segi sivil, agama, pemikiran, politik, sosial dan ekonomi.

Kebebasan bermakna kemerdekaan dari belenggu kebendaan dan

kerohanian, tetapi kemerdekaan itu tetap bersifat nisbi oleh kerana manusia senantiasa tertakluk kepada batas tempat dan waktu. Akal dan jasmaninya juga terhad sebab itu tidak mungkin boleh berlaku kebebasan yang mutlak. Kebebasan mutlak adalah kebebasan yang terlepas dari segala ikatan yang menjadi ancaman kepada manusia.

Kebebasan menurut pengertian di atas tidak terpisah dari hak-hak tabiat (fitrah), hak untuk setiap manusia di setiap waktu dan tempat. Oleh kerana itu antara hak-hak tabi'i yang amat menonjol sekali ialah hak untuk hidup, bebas,

mewakili, hak memperoleh ketenteraman, persamaan dan keadilan dan sebagainya.

Segala bentuk penghalang kepada kebebasan sama ada berbentuk kebendaan dan kerohanian yang zalim mestilah dihapuskan. Dan nyata sekali penghalang yang jelas antaranya ialah: kelaparan, kebodohan, penyakit, aniaya, perkosaan dan sebagainya. Manusia mesti melepaskan dirinya dari segala bentuk perhambaan, penganiayaan, perkosaan dan ketidakadilan kepada hak-hak kemanusiaan.

Kebebasan sebagai suatu nilai dasar manusia melingkungi berbagai bahagian dan dimensi termasuk kebebasan peribadi, kebebasan berbicara, kebebasan politik, kebebasan fikiran dan ilmiah. Seorang individu tidak dapat mengecap kebebasan kecuali dalam masyarakat yang bebas, merdeka. Hal ini telah dijelaskan di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Tanpa kebebasan tidak ada harga hidup.

Langkah utama yang dijalankan oleh Islam dalam menciptakan kebebasan dalam masyarakat ialah dengan membebaskan diri dari segala kekuasaan waham, khurafat, tunduk kepada yang tidak menafaat, mudharat, perantaraan palsu dan segala bentuk kesyirikan; . . .

Untuk mencapai kebebasan ianya mestilah diperjuangkan dan Islam mengizinkan berperang untuk membela kebebasan dan hak hidupnya;

"Diizinkan (berperang) bagi mereka yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka dianiaya, dan sesungguhnya Allah amat berkuasa menolong mereka."

(Al-Hajj: 39-40)


Antara kebebasan yang utama dan dipentingkan ialah Kebebasan beragama. Paksaan dalam agama adalah dilarang sama sekali.

Masyarakat Islam itu toleran dan sanggup hidup bersama dengan orang-orang yang memilih agama sekali dari Islam selama tidak ada

penipuan dan fitnah.

Islam menggalakkan kebebasan berfikir, pendapat dan menyatakan fikiran. Islam tidak memaksa suatu pandangan malahan memberi peluang akal untuk berfikir dan dianjurkan supaya berbincang kepada hal yang tidak difahami.

Islam mempersiapkan setiap individu dalam masyarakat Islam dengan faham dan konsep amr ma'ruf nahyi mungkar sebagai suatu dasar yang jelas, mengajak manusia mengerjakan kebajikan dan kebaikan dan mencegah dari sebarang keburukan.



Pentingnya Kebebasan Bagi Manusia

Kebebasan adalah penting bagi manusia pada peringkat individu dan masyarakat dan merupakan hak tabi'i. Ini menyerlah hakikat kelarasan sosial, kesedaran kemanusiaan, kehormatan, kebangsaan dan kekuatannya.

Keadaan ini mendorong manusia melaku adil kepada sesama manusia dan menghormati kebebasan orang lain. Kebebasan adalah tempat bergantungnya ketinggian dan harga manusia dan yang membedakannya dengan haiwan. Tanpa kebebasan ini akal dan kecerdasan tak ada gunanya. Malah manusia seluruhnya diberi beban untuk membawa amanah ini demi masa depan masyarakat manusia seluruhnya. Kebahagiaan masyarakat bergantung cara bagaimana individu masyarakat menggunakan kebebasan moral yang diamanahkan kepada mereka.

Segi lainnya, kebebasan merupakan salah satu kemestian masyarakat untuk mewujudkan kehidupan

sosial yang baik. Pemberian yang paling baik untuk suatu masyarakat yang mencari kemajuan adalah kebebasan yang bertanggungjawab dan sedar.

PRINSIP-PRINSIP YANG MENJADI DASAR PANDANGAN ISLAM TERHADAP KEBEBASAN Prinsip Pertama

Pertalian yang rapat antara prinsip keadilan dan persamaan tidak mungkin terlaksana tanpa terlaksananya kebebasan. Begitu juga sebaliknya tanpa kebebasan keadilan dan persamaan, sukar terlaksana.

Dua prinsip ini keadilan dan persamaan ini mestilah dijalankan seiring, sebab kehidupan yang mulia memerlukan kedua-duanya. Kebebasan yang diberi kepada manusia sebelum keadilan boleh menimbulkan persaingan dan membangkitkan rasa benci, tamak, hasad, dengki, dan menjadikan mereka bermusuhan antara satu sama lain.

Dalam agama Islam, hubungan kemanusiaan dibina atas dasar keadilan, persamaan antara seluruh manusia. Keadilan adalah hak semua manusia baik musuh ataupun kawan. Al-Quran dengan jelas tidak membenarkan permusuhan mengalahkan keadilan atau membolehkan kezaliman. Bahkan Islam menganggap keadilan terhadap musuh itu lebih dekat pada taqwa;

"Hai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu jadi manusia yang lurus kerana Allah menjadi saksi dengan adil; dan janganlah kebencian kamu atas satu kaum, menyebabkan kamu tidak adil. Berlakulah adil, (kerana) iaitu lebih hampir kepada kebaktian; dan takutlah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah amat Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

(Al-Imran: 8)

Tegasnya, hukum-hukum Islam mengatur hubungan antara manusia baik antara perseorangan atau antara golongan berdasarkan keadilan.

Islam mengaitkan prinsip ke-

bebasan dengan prinsip keadilan serta menautkan prinsip kebebasan dengan prinsip persamaan dalam erti kata manusia adalah sama dalam hak dan kewajiban, tidak berbeda kecuali kerana taqwa dan amal soleh.

Untuk menguatkan prinsip persamaan Islam tidak mengakui perbezaan antara manusia berdasarkan martabat, asal keturunan, warna kulit, atau baka. Keturunan tidaklah menjadi tempat untuk berbangga diri malah ianya menjadi asas untuk kenal-mengenal dan menggolongkan diri. Persamaan dalam Islam bukanlah tambahan (sunnat) yang boleh ditinggalkan tetapi merupakan prinsip dasar dan neraca yang tidak rosak. Islam tidak mengakui sistem kelas yang tegak di atas dasar perbezaan dalam keturunan dan harta tetapi mengakui manusia dalam kebolehan dan bakat. Ini tidak merendahkan martabat persamaan antara manusia sebab perbezaan antara manusia adalah berdiri atas prinsip adil.

Prinsip Kedua:

Kebebasan yang ditekankan oleh Islam adalah kebebasan yang disertai oleh lemah-lembut, toleransi, persaudaraan, sayang menyayangi; kasih mengasihi tetapi dengan tegas dikawal oleh kekuatan undang-undang. Islam menganggap manusia itu suatu ummat yang tidak terpisah oleh warna, kedaerahan, dan kebangsaan. Meskipun manusia berlainan agama, tetapi mereka berhak menerangkan ajarannya dengan kebijaksanaan dan dengan pelajaran yang baik tanpa fanatik membuta terhadap kebenaran, tanpa paksaan dan pujukan yang tidak beralasan dan tidak berketerangan, tanpa rayu-rayuan yang menyesatkan dan tanpa tekanan. Tuhan memerintahkan supaya manusia memelihara hubungan dengan persahabatan dan kasih sayang. Islam tidak menghalang ummatnya berbuat baik kepada orang yang tidak memusuhi kaum Muslimin. Menurut Islam rasa kasih sayang tidak boleh diputus-

kan oleh perang dan tidak pula oleh pertikaian.

Orang Islam mengakui, menghormati dan membela kebebasan orang lain dengan perasaan lemah-lembut, tolak ansur, persaudaraan, dan kasih sayang yang ditanamkan oleh pendidikan Islam dalam hatinya.

Dari situlah ia menunatkan perkara itu sebagai satu kewajiban agama dan ketaatan kepada penciptanya, sebelum ia merupakan sumbangan dalam membina hubungan-hubungan sosial yang mengikat masyarakat dan menguatkan strukturnya yang dapat mendekatkan dirinya ke arah kebahagiaan dan kedamaian.

Prinsip Ketiga:

Kebebasan yang diberikan oleh Islam kepada individu dan masyarakat adalah sebagai hak tabi'i. Ia bergantung atau bertitik tolak pada kepercayaan harga diri manusia, iaitu harga diri yang memberi tiap manusia nilai dalam hidup dan menganggap penghormatan akan harga diri manusia itu sebagai tujuan sendiri. Tidak ada nilai hidup dalam manusia kalau kebebasan dan harga diri manusia tidak dihormati sebab dari harga diri inilah munculnya segala keutamaan dan kebaikan.

Oleh sebab penekanan terhadap harga diri manusia maka Islam melarang penghinaan berlebih-lebihan sesuatu kaum atau kaum lain dengan alasan ethnic, darah atau warna kulit atau sifat-sifat yang berasal dari harta, pangkat dan kekuasaan. Dibatalkan ukuran-ukuran lapok yang biasa dijadikan neraca untuk mengukur manusia dan diciptakan dengan ukuran yang lebih daripada semua iaitu taqwa. Untuk menguatkan harga diri dan kebebasan manusia, Islam memerintahkan agar menjaga kehidupan, penghormatan dan hartanya, haram membunuh dan memukulnya tanpa sebab atau menuduh.

Perlaksanaan hukuman menurut Islam haruslah dilaksanakan dalam batas-batas kemanusiaan yang tidak

merosakkan harga diri manusia. Malahan tujuan hukuman adalah mengasihi makhluk dengan menghadapi manusia berbuat kemungkaran.

Prinsip Keempat:

Kebebasan yang dikuatkan oleh Islam adalah kebebasan yang menyelaraskan antara individu dan masyarakat, menggabungkan antara kemaslahatan dan hak individu dan kemaslahatan hak-hak masyarakat. Hal ini tidak terpisah, malah beralian lengkap melengkapi satu sama lain. Tidak ada yang menyengkang kebebasan dalam Islam kecuali kemaslahatan agama dan negara. Jika kemaslahatan individu bertentangan dengan kemaslahatan masyarakat, maka ia harus mendahulukan kemaslahatan kumpulan. Dalam menikmati kebebasan-kebebasannya dan dalam tingkah lakunya haruslah memelihara kemaslahatan kumpulan.

Setiap individu diberikan tugas menjaga kehidupan, kehormatan, harta dan kebebasan individu dari segala jenis perhambaan dan eksploitasi dan mengharuskannya menjaga kemaslahatan kumpulan sebagaimana ia membebaskan kumpulan dari paksaan.

Prinsip Kelima:

Kebebasan menurut Islam sama sekali tidak bermakna bahawa manusia memperbuat apa yang ia inginkan dan meninggalkan apa yang ia tidak inginkan. Tetapi ia bermakna bahawa manusia memperbuat apa yang ia percayai bahawa ia diberi tanggungjawab terhadapnya dan terdapat kemaslahatan manusia seluruhnya.

Ada perbezaan antara kebebasan dan sifat terlepas. Pertamanya kebebasan itu terikat oleh akal dan keduanya itu terikat oleh ketidakbolehan membahayakan orang lain sedangkan sifat terlepas itu adalah menuruti panggilan hawa nafsu dan syahwat dan tidak memelihara kebebasan orang lain.

Masyarakat Islam tidak melaksanakan kebebasannya dengan

menghilangkan kebebasan orang lain. Islam tidak suka kepada eksploitasi dan kekejaman. Ia tidak meragut kebebasan manusia walau apapun bentuk aqidah dan warnanya.

Prinsip Keenam:

Kebebasan sebenar-benarnya tidak dapat terlaksana kecuali dalam rangka agama, akhlak, tanggungjawab, akal dan keindahan.

Kebebasan yang ditekankan dan dilindungi oleh Islam adalah kebebasan yang bertanggungjawab atau kebebasan yang dilaksanakan atau dinyatakan dalam rangka rasa tanggungjawab. Jadi tanggungjawab dalam Islam adalah pangkal dan

hujung kebebasan.

Ukuran kebenaran yang menjadikan kebebasan itu dapat diterima selama ia bersesuaian dengan kebenaran yang dibawa oleh agama dan disokong oleh fakta yang nyata. Islam mendidik pengikutnya menegak dan menyokong dan membela kebenaran dengan sifat akhlak keberanian dalam jiwa sehingga muncullah ummat yang tidak takut pada bahaya dan rela mati demi membela kalimat kebenaran. Termasuk ukuran kebenaran yang telah kita sebutkan adalah ukuran akal dan logika yang betul sehingga kebebasan harus sesuai dengan kebenaran dan harus sesuai dengan akal dan logika yang betul. Ia terikat

oleh akal, kebenaran, ilmiah, logika yang betul, kawalan diri, objektiviti, membuang waham dan hawa nafsu. Tidak dapat dihormati kebebasan orang-roang yang bertindak bertentangan dengan kemestian-kemestian akal dan pemikiran yang betul.

Ukuran atau nilai yang lain yang harus difikir ketika menjalankan hak kebebasan ialah nilai keindahan yang wajib dihormati oleh manusia, haruslah menjalankan dalam rangka selera umum masyarakatnya dan dalam rangka ukuran keindahan, tingkahlaku yang indah dan perbuatan yang indah yang dikau oleh Islam. (NI)

“EKONOMI BEBAS ATAU PEMBEBASAN EKONOMI”

Beberapa Hujah Tentang Perlunya Susunan Iktisad Yang Baru

Dr. K.S. Jomo

‘Ekonomi bebas’ kita sebenarnya merupakan ekonomi pasaran yang dikongkong oleh kapitalisma yang merupakan sistem antarabangsa sedangkan ketidaksamaan ekonomi yang terdapat berpunca dari hubungan-hubungan pengeluaran atau kelas yang melibatkan pemerasan. Ketidaksamaan dari segi agihan pendapatan pula dapat dikaitkan dengan pola agihan harta, terutama sekali pemilikan dan kawalan terhadap bahan-bahan pengeluaran seperti tanah dan modal.

Akibat dari masalah-masalah yang berkaitan dengan dasar pembangunan ekonomi yang diamalkan semenjak kemerdekaan yang telah menyebabkan jurang agihan pendapatan bertambah luas di kalangan setiap kaum di Semenanjung Malaysia, terutama sekali kaum Melayu (lihat Jadual 1) ketegangan antara kaum telah bertambah. An-

tara sebab-sebab penting yang mengujudkan keadaan demikian ialah salah anggapan orang Melayu bahawa kaum China menguasai ekonomi kita dan salah anggapan orang bukan-Melayu bahawa kaum Melayu menguasai teraju pemerintah Malaysia, sedangkan hanya segelintir dari kedua-dua kaum berkenaan yang sebenarnya berkuasa dalam bidang-bidang berkenaan. Walaubagaimanapun kedua-dua salah anggapan ini berjaya mempengaruhi pemikiran serta fahaman politik sebahagian besar dari rakyat kita. Ini pula telah mempengaruhi suasana serta keputusan pilihanraya Mei 1969 yang telah pula mencetuskan rusuhan kaum selepasnya. Peristiwa berdarah ini telah juga memberi peluang kepada ‘golongan muda’ dalam UMNO sendiri untuk mengambil alih teraju negara yang kemudiannya membawa pula kepada pengistiharaan Dasar Ekonomi

Baru (DEB) pada tahun 1970. Oleh kerana DEB ini sudah menjadi kayu ukuran utama dalam perbincangan mengenai dasar pembangunan ekonomi negara kita, kita pula harus mengkaji apakah dan sejauh manakah DEB dapat mengatasi ketidakadilan ekonomi kita pada zaman lepas Merdeka, iaitu kesan-kesan sistem ekonomi bebas tersebut tadi.

Masalah Kemiskinan

Matlamat pertama DEB adalah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Di sini beberapa persoalan timbul. Apakah takrif kemiskinan yang dimaksudkan oleh pihak berkuasa? Pada mereka, kemiskinan yang hendak dibasmikan itu merujuk kepada ‘kemiskinan mutlak’ yang berdasarkan garis kemiskinan tertentu. Ada setengah pihak yang mendakwa bahawa kemiskinan dapat dibasmikan dengan mempermainkan angka-angka berkenaan jikalau garis

ukuran resmi yang digunakan untuk menilai pencapaian dari segi ini tidak dinyatakan secara terus terang, seperti telah berlaku dalam *Rancangan Malaysia ketiga 1976-1980* dan buku *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1986*. Maka, dengan takrif resmi ini, kadar kemiskinan dapat dikurangkan sambil jurang agihan pendapatan bertambah luas jika kadar pertumbuhan mencukupi. Nampaknya, ini telah berlaku dalam dasarwarsa 70an yang baru lepas ini. Misalnya, Jadual 1 menunjukkan bahawa jurang agihan pendapatan terus bertambah luas antara tahun 1970 dan 1976. Walaupun angka-angka dalam buku *Rancangan Malaysia Keempat* tidak cuba mengukur ketidaksamaan dari segi agihan pendapatan, angka-angka mengenai pendapatan purata dan pendapatan 'median' juga membayangkan kecenderungan yang serupa — iaitu agihan pendapatan yang semakin tidak sama rata — antara tahun 1970 dan 1979.

Kita juga harus perhatikan bagaimana kemiskinan sedang debasmikan. Antara lain, tumpuan utama dalam kenyataan-kenyataan resmi adalah terhadap usaha untuk meningkatkan daya pengeluaran orang-orang miskin. Tetapi kalau kita menyiasat sebab-sebab sebaliknya pengurangan dalam kadar kemiskinan kumpulan-kumpulan miskin tertentu seperti dilaporkan dalam *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, kita akan menemui

sebab-sebab lain yang jauh lebih penting. Misalnya, pengurangan kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah nampaknya menurut kenaikan harga getah asli dalam pasaran dunia, dan oleh itu, merupakan kejayaan sementara di luar kuasa negara Malaysia yang boleh diputarbalikkan pada bila-bila masa sahaja. Begitu juga, kenaikan pendapatan bersih para penanam padi lebih bergantung kepada harga padi minima yang disokong dengan subsidi kerajaan dari faktor-

faktor lain, seperti penanaman benih berhasil tinggi dua kali setahun yang memakan kos pengeluaran yang terus meningkat. Contoh golongan pekerja lombong pula mempunyai implikasi yang amat menarik. Walaupun antara 1975 dan 1980, daya pengeluaran mereka telah meningkat dengan kadar yang paling tinggi sekali berbanding dengan sektor-sektor lain (8.2% setahun) dan harga timah di pasaran dunia telah meningkat dari \$15,000 setonne ke \$35,000 setonne, kalangan pekerja lombong merupakan satu-satunya golongan miskin yang telah bertambah ramai! Ini jelas menunjukkan bahawa ke-

di luar jangkaan atau kawalan pihak berkuasa) jauh lebih penting dalam mengurangkan kadar kemiskinan.

Menyusun Semula Masyarakat

Matlamat kedua DEB adalah untuk menyusun semula masyarakat Malaysia supaya peranan ekonomi atau kelas tidak berkait lagi dengan latarbelakang kaum. Biasanya, usaha-usaha ke arah matlamat ini melibatkan dua bidang utama, iaitu pekerjaan dan pemilikan saham. Penyusunan semula di kalangan tenaga pekerja, terutama sekali pada peringkat bawahan (iaitu buruh kasar dan pekerja 'tak mahir'), sudah lama tercapai. Masalah timbul pada peringkat-

Jadual 1

TAHUN	Pembahagian Pendapatan Isirumah,					
	SEMUA ISIRUMAH				ISIRUMAH	
	1957//8	1970	1973	1975	1957/8	1970
BAHAGIAN PENDAPATAN						
5% Atasan	22.1	28.1	26.4	n.a.	18.1	23.8
20% Atasan	48.6	55.9	53.7	61.9	42.5	51.3
40% Pertengahan	35.5	32.5	34.0	27.8	37.9	35.7
40% Bawahan	15.9	11.6	12.3	19.3	19.6	13.0
Pendapatan Isirumah Purata (M\$)	215	264	324	801	140	172
Pendapatan Isirumah Pertengahan (M\$)	156	167	n.a.	319	112	122
Nisbah Gini	.412	.502	.50	.567	.34	.46
Nisbah Theil	.295	.476	.43	.709	.21	.40
Saiz Sample	2760	26310	7285	1064		

naikan dari segi daya pengeluaran atau dari segi harga barang yang dikeluarkan, dengan sendirinya tidak semestinya akan memberi manfaat kepada pengeluarnya, terutama sekali jika mereka merupakan pekerja yang mendapat upah. Ketiga-tiga contoh ini — mengenai pekebun kecil getah, penanam padi dan pekerja lombong — dengan jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor selain dari kenaikan daya pengeluaran (termasuk faktor 'kebetulan' seperti kenaikan harga dalam pasaran dunia

peringkat lain, terutama sekali di kalangan golongan ikhtisas. Masalah ini menimbulkan masalah di bidang pelajaran pula kerana kelayakan akademik dianggap penting untuk kemasukan pada peringkat-peringkat ini. Maka boleh dikatakan bahawa ketegangan mengenai soal dasar pekerjaan (termasuk kenaikan pangkat) dan pelajaran banyak melibatkan golongan menengah dari kaum Bumiputra dan juga kaum-kaum bukan Bumiputra yang bersaing untuk peluang pekerjaan dan

pelajaran pada peringkat pertengahan dan tinggi. Ini tidak bermakna bahawa lapisan-lapisan lain tidak merasai ketegangan ini, tetapi bagi golongan bawahan yang tidak pernah menikmati faedah dari susunan sosio-ekonomi dahulu, keadaan sekarang tidak banyak berbeza, sedangkan bagi golongan peniaga atasan pula, perkara lain merupakan punca ketegangan yang utama.

Dari segi pembahagian pemilikan harta pula, terutama sekali saham perbadanan-perbadanan 'moden' yang menjadi bahan rebutan golongan pemodal, pihak pemerintah telah menentukan sasaran

pesatkan lagi dan ini semestinya akan mengancam kepentingan pemodal bukan Bumiputra, dan akan meningkatkan lagi ketegangan antara kaum di golongan ini (walaupun kerjasama antara pakatan-Ali Baba tertentu akan berterusan, malah bertambah luas).

Kelas Pemodal Baru

Mengikut buku *Rancangan Malaysia Keempat 1981-85* (RM4), peranan yang akan dimainkan oleh perusahaan-perusahaan awam nampaknya akan bertambah besar. Menurut Jangkaan asal, pada tahun 1990, 7.5% dari jumlah modal saham akan dipegang oleh individu Bumiputra, sedangkan


perusahaan-perusahaan berkenaan seperti pernah berlaku di Iran, Kenya dan Tanzania, misalnya. Maka, tidaklah menghairankan bahawa prestasi perusahaan-perusahaan awam kurang baik dari segi garis-garis ukuran biasa seperti kadar keuntungan dan sebagainya. Atas alasan-alasan seperti 'tanggungjawab sosial', perusahaan-perusahaan awam, badan-badan ini boleh dijadikan alat demi memperkayakan orang-orang yang berkuasa dan oleh kerana usaha-usaha demikian biasanya melibatkan kegiatan-kegiatan 'luar biasa' (yang berbeza dengan kegiatan perusahaan swasta), setengah pemerhati menganggap bahawa pertumbuhan perusahaan-perusahaan awam menggalakkan pengembangan rasuah, dan kecenderungan ini mungkin bertambah pesat pada masa depan memandangkan tekanan baru pihak pemerintah dalam RM4 kepada peranan perusahaan awam.

Mengikut peruntukan perbelanjaan yang terkandung dalam RM4, tumpuan kepada matlamat 'pembasmian kemiskinan' sedang terus berkurangan berbanding dengan matlamat 'penyusunan semula'. Nisbah antara peruntukan bagi kedua matlamat ini telah berkurangan dari 4.62 pada tempoh Rancangan Malaysia Kedua, (1971-1975) kepada 2.68 pada jangkamasa Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) dan dijangka akan berkurangan lagi kepada 2.12 dalam jangkamasa RM4 (1981-85) yang akan datang. Kecenderungan ini jelas mencerminkan bahawa pengaruh golongan-golongan yang menikmati faedah dari usaha-usaha 'penyusunan semula' terus bertambah kuat di kalangan pihak yang berkuasa. Memandangkan bahawa (1) bilangan orang yang dapat menikmati faedah dari usaha pembasmian kemiskinan jauh melebihi golongan yang menjadi tumpuan usaha-usaha penyusunan semula; (2) bahasa pengurangan dalam kadar kemiskinan yang sudah tercapai setakat ini

Semenanjung Malaysia									
MELAYU		ISIRUMAH CHINA				ISIRUMAH INDIA			
1973	1976	1957/8	1970	1973	1976	1957/8	1970	1973	1976
22.7	n.a.	19.2	25.4	18.8	n.a.	19.4	28.4	25.6	n.a.
50.8	n.a.	46.0	52.3	48.6	n.a.	43.6	53.6	51.3	n.a.
35.5	n.a.	35.9	33.5	35.5	n.a.	36.6	31.5	33.7	n.a.
13.7	n.a.	18.1	14.2	15.9	n.a.	19.8	14.9	15.0	n.a.
222	529	302	381	441	1247	243	301	365	519
n.a.	357	223	269	n.a.	623	188	195	n.a.	232
.45	.47	.38	.46	.42	.58	.37	.47	.44	.49
.36	.44	.25	.39	.31	.73	.23	.39	.35	.50

30:40:30 menjelang tahun 1990. Semenjak pengistiharaan DEB pada tahun 1970, jumlah modal milik Bumiputra telah bertambah dengan kadar amat pesat — beberapa kali ganda kadar pertumbuhan modal kaum bukan Bumiputra. Sasaran tempoh lima tahun pertama (1971-75) dapat dicapai tetapi sasaran bagi jangkamasa kedua, iaitu bagi 1976-1980, tidak tercapai. Bagi mencapai sasaran asal bagi tahun 1990, kadar pertumbuhan modal milik saham Bumiputra perlu di-

22.5% lagi akan dipegang melalui 'kepentingan Bumiputra'. Jangkaan resmi baru (1981) adalah supaya 5.6% dipegang oleh individu dan 25.4% pula oleh 'badan-badan amanah Bumiputra'. Ini bermakna bahawa tumpuan pihak pemerintah terhadap perusahaan-perusahaan awam akan meningkat lagi. Sedangkan perusahaan swasta merupakan alat bagi golongan peniaga mengumpul modal, perusahaan awam boleh menjadi alat bagi pentadbirnya mengumpul harta di luar



Banyak lagi rakyat hidup dalam keadaan buruk:

adalah atas asas ekonomi yang tidak berkekalan; (3) jurang dalam agihan pendapatan nampaknya terus bertambah luas, kecenderungan ini mempunyai implikasi amat serius.

Huraian dan analisa di atas tadi cuba menggambarkan perkembangan pada dua zaman semenjak Merdeka, iaitu sebelum dan selepas DEB diistiharkan. Secara kasar, boleh dikatakan bahawa tempoh 1957-1969 merupakan zaman 'ekonomi bebas' di mana pola pembangunan mengutamakan dan menguntungkan para pelabur swasta (tempatan dan asing). Lebih kurang dari tahun 1970 pula, penglibatan pihak pemerintah telah bertambah dengan pesat dan ini pula telah memberi cap 'ekonomi campuran' kepada ekonomi kita. Walaupun perubahan ini tidak boleh dinafikan, sebenarnya kedua-dua pola pembangunan bersifat kapitalis. Boleh dikatakan bahawa setelah 1970, negara dikuasai oleh golongan pemodal jenis baru yang menggunakan alat-alat pemerintahan sebagai alat utama demi pengumpulan modal. Penaklukan ekonomi oleh golongan ini menimbulkan pertentangan dengan sebahagian besar dari pemodal swasta (terutama sekali tetapi bukan hanya pemodal bukan Bumiputra) yang merasai sekatan dan tekanan golongan berkuasa ini dan oleh itu melaungkan cogan kata "ekonomi bebas" demi menentang tanpa penglibatan atau campurtangan pemerintah yang dianggap sebagai

melampaui dan bertentangan dengan kepentingan mereka. (Walaupun pekikan seumpama ini sukar diterima dalam keadaan masyarakat kita masakini, kita harus memahami sebab-sebab serta kepentingan sebaliknya tuntutan ini).

Pengumpulan Modal Kini

Jikalau kita mengkaji sejarah pengumpulan modal, kita akan dapati bahawa pengumpulan modal — terutama sekali riba, faedah atau bunga dari modal pinjaman — telah bermula jauh sebelum kapitalisma sendiri berkembang menjadi sistem ekonomi dunia selepas Revolusi Industri. Kapitalisma sebagai sistem pengeluaran — yang berbeza dengan sistem feodal (khadam), perhambaan (pengabdian) dan lain-lain — berdasarkan pengumpulan modal yang berpunca dari kelebihan ekonomi (iaitu perbezaan antara nilai hasil dari usaha si pengeluar dan pendapatannya) — dari titik peluh para pengeluar, terutama sekali kaum pekerja, kaum petani dan pengeluar kecil lain (seperti nelayan, penjaja, tukang dan sebagainya). Maka, kapitalisma masakini bukan hanya melibatkan penghisapan riba, tetapi berasaskan hubungan-hubungan pengeluaran baru yang muncul pada zaman 'moden'. Seperti telah diterangkan tadi, semenjak zaman penjajahan British, ekonomi pasaran di bawah kuasa kapitalisma British telah berkembang di Malaysia dan lama kelamaan telah menggantikan pengeluaran saradiri secara persendirian dengan penge-

luaran barang-barang untuk dijual beli. Di samping ini, sektor (pengeluaran) kapitalis — seperti lombong, estet dan kemudiannya kilang — telah terus berkembang. Agihan harta bahan-bahan yang berhasil — seperti tanah, perkakas, kilang, dll. — amat tidak sama rata, dan ini pula telah menentukan corak agihan pendapatan yang serupa akibat dari penindasan kaum pekerja yang terpaksa menjual kebolehan bekerja mereka untuk mendapatkan upah. Pengembangan ekonomi pasaran juga telah merapatkan sambil menyatukan ekonomi kita dengan ekonomi pasaran dunia yang dikuasai oleh kepentingan kapitalis Barat. Ekonomi kita menjadi makin terdedah kepada perkembangan, termasuk kenaikan, dalam pasaran dunia. Ekonomi kita yang pernah berdikari berubah menerusi kehendak para pelabur, terutama sekali pemodal British; susunan ekonomi tempatan tidak secocok lagi dengan keperluan rakyat jelata dan lama kelamaan tidak dikuasai lagi oleh golongan-golongan pengeluaran yang bertungkus lumus seperti kaum pekerja dan kaum petani. Walaupun terdapat banyak perkembangan semenjak zaman penjajahan British dahulu, termasuk yang dibincangkan di atas tadi, susunan ekonomi negeri kita tidak banyak berubah semenjak Merdeka, pada zaman sebelum atau selepas pengistiharaan DEB. Maka, kita tidak dapat mengelakkan kesimpulan bahawa ekonomi kita sekarang yang dikuasai oleh kepentingan-kepentingan kapitalis pernah dan terus akan menyebabkan ketidakadilan — bukan hanya dari segi ekonomi — yang terdapat di masyarakat kita.

Maka, tugas kita sekarang adalah untuk mencari pilihan lain yang adil dan tepat, memandangkan keadaan masyarakat kita masakini. Strategi pembangunan alternatif yang diinginkan adalah dasar ke arah keadilan yang menyeluruh, termasuk ke-

adilan ekonomi. Suatu strategi demikian hanya dapat dibentuk melalui perbincangan serta perbincangan umum mengenai lunas-lunasnya. Perubahan seumpama ini tidak dapat dipaksakan dari atas, tetapi hanya dapat berjaya kalau diusahakan atas persetujuan pihak-pihak yang terlibat iaitu rakyat jelata yang bertungkus-lumus. Tidak boleh dinafikan bahawa tiada suatu strategi yang dapat diterima oleh semua pihak dalam sebuah masyarakat yang terpecah kepada beberapa golongan yang mempunyai kepentingan yang bercanggah. Hanya kepentingan golongan-golongan yang menikmati pendapatan lumayan yang diperas dari titik peluh kaum-kaum pengeluar akan diancam oleh usaha-usaha demikian dan kita harus berusaha bersama untuk membantu mereka menjadi rakyat yang lebih berguna kepada masyarakat. Walaupun demikian, kita harus berusaha mencari strategi lain yang boleh mendapat sokongan daripada seluruh rakyat jelata, iaitu golongan-golongan pengeluar seperti pekerja, petani, nelayan, tukang, penjaja dan lain-lain, tanpa mengira kaum. Berdasarkan pakatan ini, golongan-golongan lain — termasuk pengusaha-pengusaha bengkel, peniaga kecil, para saintis dan orang iktisas yang sanggup menyebelahi rakyat jelata patut disatukan dalam suatu angkatan bersama demi menuntut dan menyusun semula masyarakat untuk mencapai keadilan menyeluruh, iaitu bukan hanya antara kaum, tetapi juga antara lapisan-lapisan dalam masyarakat.

Memandangkan bahawa pasaran milik saham Bumiputra bagi tahun 1980 tidak tercapai pada satu pihak dan sekatan terhadap pengembangan modal China yang ujud, kekecawaan serta keganasan kedua-dua pihak atas cogan kata 'perpaduan kaum' akan terus meningkat. Usaha mendapat sokongan perkauman ini akan cuba menggunakan perkara perkauman yang lebih luas (seperti

NADI INSAN, OKTOBER 1981

pelajaran, budaya, bahasa dan agama) dan golongan menengah kedua-dua kaum akan memainkan peranan amat penting dalam hal ini. Memandangkan betapa merbahaya perkembangan ini, adalah amat penting membina angkatan ketiga yang tidak berasaskan perkauman yang bersatupadu atas tuntutan demi kebebasan dan keadilan.

Rangka bagi susunan masyarakat yang adil semestinya merupakan hasil dari perbincangan serta muafakat umum. Perkara-perkara berikut mungkin dapat ditimbang. Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan bahawa kepentingan golongan kayanya, asing dan tempatan, yang hidup mewah atas titik-peluh rakyat jelata akan terancam.

Pembasmian kemiskinan harus menekankan pengurangan jurang ketidaksamaan. Pendapatan patut diagihkan berdasarkan usaha dan bukan atas milik harta yang berhasil. Usaha-usaha kebajikan bagi mereka yang bemasib malang (seperti orang cacat, uzur, dll.) patut ditentangkan. Walau bagaimanapun, keadaan sekarang tidak mengizinkan penyamarataan pendapatan sekaligus.

Bagi kaum tani, kelaparan tanah oleh diatasi dengan rancangan Kemajuan tanah lebih meluas yang kurang membebaskan para peserta dan yang berdasarkan penglibatan serta kerjasama mereka. Reform tanah harus mengatasi masalah penyewaan tanah dalam jangka masa pendek dan panjang. Pertanian secara kelompok di sawah

atau ladang besar berdasarkan kaedah maju boleh mengatasi ketidakseimbangan sektor tani dengan sektor estet.

Perusahaan-perusahaan besar patut diambilalih oleh pekerjanya dan usaha pengakhilknegaraan harus diikuti dengan penglibatan atau kawalan kaum pekerja sendiri supaya golongan elit baru tidak akan berkuasa.

Banyak usaha lain adalah perlu demi membangunkan ekonomi yang lebih berdikari dan adil dan kesemuanya patut diselaraskan melalui proses perancangan yang demokratik. Perancangan ini harus mengambilkira warisan ekonomi kita, termasuk kekuatan, kelemahan serta ketidakseimbangan ekonomi kita kini.

Andaian penting sebalik persembahan di atas tadi ialah bahawa usaha membebaskan ekonomi kita demi mencapai pembangunan yang berdikari dan adil hanya dapat dicapai melalui usahasama berdasarkan pakatan antara kaum-kaum pengeluar yang disokong oleh golongan-golongan lain yang mencintakan keadilan melalui pembebasan insan dari segi duniawi dan rohaniah, termasuk para intelek, pelajar dan sebagainya. Maka, suatu syarat penting demi mencapai pembebasan ekonomi ini adalah kebebasan dari segi lain yang membolehkan kerjasama ini terbentuk. Jelaslah bahawa usaha demi mencapai keadilan tidak boleh dipisahkan lagi dari usaha bagi menjamin kebebasan kita bersama. (NI)



Uban telah memutih di kepalanya. Usianya telah menjangkau lewat enam puluhan. Wajahnya yang sentiasa tenang itu menampakkan kegigihan menjalani hidup yang penuh liku.

Itulah Mak Minah. Wanita berkari yang berjiwa waja. Sewaktu usianya dalam lingkungan tiga puluhan, ketika Asia dibakar semangat menentang penjajahan, Mak Minah turut menyumbangkan tenaga.

"Ceramah-ceramah oleh Pak Sako, Allahyarham Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam, Samsiah Fakeh, Zainab Baginda dan beberapa orang lagi tokoh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah membuat Mak Cik sedar tentang keburukan penjajahan," kata Mak Minah ketika menyorot kesah hidupnya.

Bersama kawan-kawannya, Zawyah Hj. Ibrahim, Zahara Said serta beberapa orang lagi anak pesawah dari Kampong Bintang, Mukim Sanggang, Temerloh itu menubuhkan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) di Lubuk Kawah.

Mereka mengadakan ceramah-ceramah untuk menyedarkan rakyat di samping menolong penduduk kampung menjalankan kerja harian.

"Sambutan rakyat terhadap AWAS dan Angkatan Pemuda Insaf (API) sangat menggalakkan. Masa itu UMNO belum ada. Jadi sokongan orang ramai bulat untuk kami," jelas Mak Minah di rumah-



Mak Minah masih gigih mendayong sampan menyeberangi Sungai Pahang.

nya di Lubuk Kawah yang satu masa dulu menjadi tapak bergerak bagi AWAS dan API di Temerloh, Pahang.

"Keadaan rakyat masa itu mundur. Cukai tanah dinaikkan ke \$1 dari 50 sen. Ramai yang minta tanah tak dapat. Sekolah tak banyak. Jadi kita tidak mahu duduk di bawah Inggeris. Kita mahu kerajaan sendiri," katanya dengan anda bersemangat.

Kegiatan pemuda-pemudi yang menjiwai API dan AWAS mendapat perhatian Inggeris. Setiap gerak-geri mereka diperhitungkan. Apabila kesedaran anak-cucu daerah Datuk Bahaman meninggi, Inggeris jadi bimbang.

Sehari sebelum darurat diistiharkan, Ketua API Temerloh, Kamarulzaman Hj. Teh ditangkap. Satu tunjuk perasaan besar-besaran menuntut pembebasannya dijadualkan di bandar Temerloh. Tindakan tersebut akhirnya terpaksa dibatalkan kerana keadaan tidak mengizinkan



"Kami diajar menghormati orang-orang tua, memuliakan sama sebaya dan mengasih kanak-kanak. Kami dilarang mengumpat, mencaci dan menghina orang." — Mak Minah

kan. Jika diadakan juga, lebih ramai akan dipenjarakan oleh pihak Inggeris.

Pengistiharan darurat menjadikan ramai anggota API dan AWAS jadi buruan Inggeris. Hadiah sebanyak \$1,000 ditawarkan bagi sesiapa yang boleh memberi maklumat hingga tertangkapnya Mak Minah.

Mak Cik terus juga memberi ceramah untuk membangkitkan semangat rakyat, walaupun hadiah dinaikkan ke \$2,000. Akhirnya hadiah dinaikkan ke \$3,000 untuk menangkap Mak Minah.

"Mak Cik terpaksa masuk hutan kerana tidak mahu ditangkap oleh Inggeris. Lagipun tidak guna tinggal di luar. Penentangan terhadap Inggeris tidak boleh lagi dilakukan dengan ceramah-ceramah. Keadaan tidak mengizinkan," katanya lagi.

Anak tunggalnya Zamiah yang baru berusia 14 tahun mahu ikut sama. Mak Minah melarang tapi dia berdegit. Menurut Mak Minah,

NADI INSAN, OKTOBER 1981

insan bulan ini

MAK MINAH Penentang Penjajahan

mengaku bersalah masuk hutan atau tidak. Bila Mak Minah tidak mengaku salah dan berkeras bahawa tindakannya adalah untuk membebaskan negara dari penjajahan Inggeris, Mak Minah dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun kerja berat. Sabariah pula dikenakan 6 tahun penjara kerja berat. Yang menyedihkan Mak Minah ialah hukuman gantung yang dikenakan ke atas Mat Nor Siak Ali kerana di koceknya terdapat sebutir peluru.

"Kalau Mak Cik ditangkap pada tahun 1950, tentu Mak Cik pun kena hukum gantung."

Di balai polis Temerloh, di Penjara Pudu dan Batu Gajah, Mak Minah mendapati ramai lagi wanita yang dikenakan hukuman kerja berat kerana kegiatan menentang penjajahan.

Setelah selesai menjalani kehidupan di penjara, Mak Minah pulang ke kampongnya di Lubuk Kawah. Kesedihan merangkumi jiwa Mak Minah. Rumahnya dibakar sewaktu dia dalam tahanan. Penduduk kampongnya dipindahkan ke Mukim Bangau. Suaminya mendapat kemalangan sewaktu bekerja membuat jalan setelah keluar dari tahanan. Dia cuma dapat berita tersebut setelah keluar tahanan dan setelah lama kejadian itu berlaku.

Di atas tapak rumahnya yang hangus, Mak Minah berusaha membina rumahnya yang ada sekarang ini. Dan dengan kebolehnya membidani ibu-ibu bersalin, mengubat orang sakit dan mengait hiasan-hiasan, Mak Minah menghirup udara bebas.

Zamiah pernah berkata, "kalau sampai masanya di mana-mana pun kita mati juga. Saya mahu ikut mak menentang Inggeris."

Mak Minah ditugaskan memberi penerangan dan anaknya masuk bahagian tentera. Suami Mak Minah Pak Ahmad Husin juga ikut sama.

Perjuangan meminta korban. Beberapa orang kawan Mak Minah terkorban kena peluru Inggeris. Mak Minah, seorang saudaranya Sabariah Hj. Mat Nor dan Mat Nor Siak Ali ditangkap pada 6 Disember 1949 setelah lebih setahun bergerak menentang penjajahan di hutan.

"Kami ditugas masuk kampong membantu seorang ibu yang kesakitan melahirkan anak. Malam itu hujan lebat. Jadi dalam perjalanan pulang, kami berteduh di sebuah rumah kosong. Pada pukul tiga pagi, kami dikepong," katanya dengan wajah agak hampa.

Mak Minah dituduh menghasut rakyat menentang Inggeris. Dalam percubaan dia ditanya sama ada

NADI INSAN, OKTOBER 1981

"Orang kata, orang-orang yang masuk hutan itu orang jahat. Mak Cik tak tahu itu semua. Yang Mak Cik tahu ialah kami terpaksa masuk hutan kerana tidak mahu ditangkap oleh Inggeris."

"Kami diajar menghormati orang tua, memuliakan sama sebaya dan mengasih kanak-kanak. Kami dilarang mengumpat, mencaci dan menghina ataupun menjatuhkan air muka orang. Kalau kawan membuat kesilapan, kita perlu tegur dia cara berdepan. Kalau kita buat salah, kita juga perlu kritik diri. Kami juga dilarang mengambil apa sahaja kepunyaan orang kampong tanpa kebenaran mereka," tambahnya lagi.

Pengalaman yang Mak Minah dapati menjadikan dia lebih berkari. Wajahnya sentiasa tenang dan penuh keazaman. Dia masih mampu mendayong sampan menyeberangi sungai Pahang, menemui kawan-kawan yang memerlukan bantuannya bagi menyembuhkan penyakit mereka.

Perjuangan menentang penjajahan Inggeris di Temerloh memakan banyak korban. Ketua API Temerloh, Kamarulzaman dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan setelah keluar penjara 14 tahun kemudiannya dikenakan pula sekatan daerah selama 10 tahun. Beberapa orang lagi menghembus nafas terakhir di tali gantung. Tidak kurang pula yang menjadi sasaran peluru penjajah.

Tidak ada perayaan, tidak ada tugu mengingati mereka yang telah pergi. Ini adalah kerana tindakan mereka memilih jalan menuntut kemerdekaan dengan darah tidak di-restuoi oleh mereka yang menampung kemerdekaan dengan tangan terbuka.

Cuma Mak Minah dan kawan-kawan yang tahu menilai erti pengorbanan, memanjangkan doa dalam sembahyang untuk mereka yang tiada lagi.

Nur Rimba

NI

KEGANASAN DI ASIA BARAT

Aminah Junid

Serangan-serangan Israel ke atas kawasan penduduk awam di Beirut, ibu negeri Lubnan, yang telah membunuh lebih dari 300 orang penduduknya dan mencedera hampir 1000 yang lain, serta serangan-serangan lain di negeri itu pada bulan Julai lalu adalah merupakan satu tindakan yang sengaja dilakukan oleh Israel untuk menambahkan ketegangan dalam konflik di Asia Barat.

Serangan-serangan yang dilakukan itu bukan lagi dipertahankan oleh pihak Israel dengan menggunakan alasan biasanya, iaitu mengambil tindakan membalas serangan pihak musuh. Begin sendiri tidak dapat mencari perkembangan tertentu pada waktu itu untuk dijadikan alasan untuk melakukan apa yang sering dikatakannya sebagai "langkah tindakbalas" Israel.

Malah, menurut satu kajian terbaru oleh Bangsa-Bangsa Bersatu (BBB) dalam masa 18 bulan sehingga 1 Julai lalu, hanya 20 orang Israel yang terbunuh oleh serangan-serangan Komando Palestin berbanding dengan lebih 400 orang Palestin dan orang awam Lubnan yang dibunuh oleh serangan-serangan Israel. Perbezaan angka yang begitu ketara itu membuktikan bahawa serangan Israel yang terbaru itu bukan merupakan satu tindakan untuk membalas serangan ke atas penduduknya.

Oleh kerana tidak dapat menggunakan alasan biasanya, kerajaan Begin telah menyatakan bahawa serangan-serangan itu adalah untuk "menghalang sebarang kemungkinan serangan dari Komando Palestin". Tetapi, alasan ini juga tidak dapat diterima sebagai manasabah oleh pendapat umum di seluruh



Kereta-kebal Israel memasuki Lubnan dunia. Perangkaan yang dikeluarkan oleh ibu pejabat tentera Israel sendiri menunjukkan bahawa hanya 8% sahaja dari serangan-serangan komando Palestin dilancarkan dari Lubnan manakala 92% dari serangan-serangan itu datang dari Tebing Barat dan kawasan Gaza yang diduduki oleh Israel. Di samping itu, kawasan sempadan Israel dengan Lubnan juga tidak panjang dan boleh dipertahankannya dengan lebih senang jika dibandingkan dengan kawasan sempadannya yang lain.

Matlamat Israel

Sebenarnya serangan Israel yang terbaru ke atas Lubnan itu mempunyai dua matlamat utama. Salah satu matlamatnya ialah untuk melemahkan semangat rakyat Palestin

di Tebing Barat dan Kawasan Gaza dalam perjuangan adil mereka menuntut hak menentukan masa hadapan mereka sendiri dengan memusnahkan organisasi tentera dan politik rakyat Palestin di Lubnan. Selama ini, kewujudan organisasi-organisasi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang kuat di Lubnan telah memberi perangsang kepada rakyat Palestin untuk meneruskan perjuangan adil mereka.

Matlamat kedua Israel ialah untuk menggagalkan segala usaha kerajaan-kerajaan Arab yang pro-Barat untuk mencari satu penyelesaian kepada konflik di Asia Barat dengan memberi sedikit pengiktirafan ke atas rakyat Palestin. Sebarang cadangan dari Washington mengenai hal ini adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan jangka

panjang Amerika Syarikat (AS) — Israel di rantau itu. Tetapi, kerajaan Israel telah menentang usaha-usaha untuk bertolak ansur ini walaupun ianya begitu terhad sekali.

Tindakan AS

Tindakan AS terhadap keganasan Israel di Lubnan adalah seperti biasa, iaitu memberhentikan buat sementara waktu penghantaran jet pejuang F-16 untuk tentera udara Israel. Tetapi langkah ini diketahui tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas keupayaan Israel untuk bertindak ganas lagi.

Dalam perkembangan terbaru ini, Israel telah memulakan tindakan ganasnya dengan melancarkan serangan bertubi-tubi ke atas kedudukan orang-orang Palestin di selatan Lubnan. Selepas beberapa hari, komando Palestin telah mengambil tindakan balas dengan membuat serangan roket ke atas Israel. Sehari kemudiannya, tentera udara Israel telah melancarkan serangan ke atas Beirut, terutama di mana terdapat penduduk awam yang ramai. Serangan pada hari itu telah meragut banyak nyawa kerana ianya dilakukan pada masa orang ramai berada di kawasan-kawasan tersebut. Apabila komando Palestin membalas serangan tersebut dengan melancarkan serangan roket mereka ke kawasan Israel, di mana seorang rakyat Israel terbunuh, Begin telah memerintahkan supaya serangan-serangan udara baru dilancarkan ke atas kawasan penduduk yang lain, jalanraya, Jambatan dan kawasan tentera di Lubnan.

Gencatan Senjata Gagal

BBB telah menyeru supaya diadakan pengecatan senjata dengan segera. Tetapi Begin tidak berminat untuk mematuhi seruan BBB itu. Kerajaannya sengaja mengumumkan syarat-syarat untuk gencatan senjata yang sememangnya tidak dapat dipenuhi oleh PLO. Antaranya, Begin telah menuntut supaya PLO mengundurkan tenteranya dari

selatan Lubnan — satu tuntutan yang mustahil dapat dipersetujui oleh PLO. Bagi pihak PLO pula, mereka memang menyambut baik seruan gencatan senjata oleh BBB itu. Mereka telah mengutarakan tuntutan yang lebih manasabah di mana mereka setuju diadakan gencatan senjata dengan syarat Israel memberhentikan serangan udaranya ke atas Lubnan.

Muslihat Israel

Tujuan utama Israel menyerang Beirut dan seterusnya mengutarakan tuntutan tersebut di atas ialah untuk melemahkan kedudukan PLO di Lubnan. Sekiranya matlamat ini tercapai, maka mudahlah ia dapat memaksa rakyat Palestin di Tebing Barat dan Gaza menerima tawarannya memberi "otonomi" yang terbatas kepada mereka — satu rancangan untuk menafikan hak penentuan sendiri rakyat Palestin di kawasan tersebut. Sekarang ini, Lubnan merupakan satu-satunya kawasan di dunia ini di mana rakyat Palestin mempunyai otonomi dan kebebasan bertindak. Ia juga merupakan kawasan belakang untuk tindakan ketenteraan mereka. Tanpa kebolehan untuk bergerak seperti mana mereka telah lakukan selama ini, kedudukan PLO akan terancam dan Israel boleh menggunakan kesempatan ini untuk memaksa rakyat Palestin menerima rancangannya memberi "otonomi" terbatas itu.

Sikap Sebenar AS

Perbezaan pendapat di antara

Israel dan A.S. adalah mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh negara-negara Arab yang pro-Barat dan langsung tidak ada kena mengena dengan isu hak penentuan sendiri rakyat Palestin. Washington sebenarnya bersetuju dengan rancangan pokok Begin. Tetapi pentadbiran Reagan percaya bahawa sokongan regim Arab yang pro-Barat adalah perlu bagi menjayakan rancangan tersebut dan untuk mendapat sokongan mereka perlulah Israel beralah sedikit. Di samping itu, Washington juga memberi perhatian kepada rancangannya untuk menubuhkan satu pakatan anti-Soviet di rantau itu dengan kerjasama regim-regim yang konservatif itu. Begin pula berpendapat bahawa Israel dan A.S. sudah cukup kuat untuk melakukan apa yang mereka mahu di Asia Barat. Oleh itu, ia berpendapat bahawa kerjasama regim konservatif Arab seperti Arab Saudi adalah tidak perlu.

Sokongan A.S. dan beberapa kerajaan di Eropah terhadap cita-cita Israel di Asia Barat merupakan daya penggerak utama di belakang tindakan ganas kerajaan Begin. Tanpa sokongan A.S., rancangan Zionis untuk meluaskan wilayahnya akan hancur dan langkah boleh diambil untuk memberi hak penentuan sendiri kepada rakyat Palestin. Tetapi, sehingga masa ini Washington masih tetap memberi sokongan teguh kepada Israel dari segi ekonomi, politik dan ketenteraan. Oleh kerana sokongan ini, Israel telah menjadi semakin angkuh dan ganas. Kira-kira sebulan sebelum kegana-



Ibu-ibu dan kanak-kanak melarikan diri ke Beirut

sannya di Lubnan, jet-jet penyerang Israel telah memusnahkan pusat reaktor nuklear Iraq di Osirak. Walaupun pendapat dunia telah mengutuk serangan itu, tetapi Israel masih berdegil. Nampaknya, tiada kawasan di rantau itu yang tidak akan dicerobohnya.

Oleh yang demikian, adalah wajar dan perlu bagi seluruh rakyat di Asia Barat bersatu untuk menghancurkan cita-cita ganas Israel. Hanya penyatuan hasrat dan tenaga mereka sahajalah yang dapat menjadi penghalang utama kepada rancangan Israel untuk memperluas-

kan wilayahnya. Penyatuan hasrat dan tenaga ini jugalah yang akan dapat membantu rakyat Palestin mendapat kembali tanahair mereka dan menentukan masa depan mereka. Sekiranya ini tidak tercapai, maka tidak akan wujud keamanan dan kebahagiaan di rantau itu. (NI)


AMERIKA SYARIKAT MENGUGUT LIBYA

Mohd. Hassan

Presiden Ronald Reagan sungguh gembira setelah mendapat berita mengenai peristiwa Teluk Sidra (Libya) lalu mengistiharkan hari itu sebagai "Yankee Doodle Day". Menurutnya dengan berlakunya peristiwa itu, kemegahan tentera Amerika Syarikat (AS) — yang telah merosot akibat pengundurannya dari Vietnam dan Kegagalannya menyelamatkan orang tahanan AS di Teheran — telah dapat dipulihkan semula. Peristiwa yang dibanggakan oleh Reagan itu ialah pertempuran udara di antara jet pejuang F-14 A-S dan jet pejuang SU-22 Libya yang berlaku kira-kira 60 batu dari pantai Libya pada 19 Ogos lalu. Dalam pertempuran itu, jet pejuang A-S telah menembak jatuh dua jet Libya.

Matlamat A.S.

AS memang sudah lama ingin beradu kekuatan dengan Libya. Peristiwa yang baru berlaku itu adalah hasil satu tindakan provokasi yang telah dirancang rapi dan dilaksanakan dengan melibatkan Armada Laut Keenam AS. Rancangan itu mempunyai dua matlamat. Pertama, ia merupakan bahagian penting dalam rancangan pentadbiran Reagan untuk melenyapkan perasaan benci rakyat A.S. terhadap campurtangan pentadbiran AS di negeri orang lain. Kedua, ia juga merupakan tindakan lanjut AS untuk mengujudkan keadaan tidak stabil di Libya dan akhirnya melenyapkan pemerintahan Kol. Qaddafi.



Kawasan pertikaian

Dalam mesyuarat-mesyauratnya yang diadakan dalam masa dua bulan sebelum peristiwa tersebut, pentadbiran Reagan telah mengambil keputusan untuk memberi pukulan hebat kepada Qaddafi semasa menjalankan latihan tentera udara dan laut AS di Kawasan Mediterranean. Tempat yang telah dipilih ialah Teluk Sidra, yang dituntut oleh Libya — yang mendakwa berhak ke atas batasan wilayah sejauh 200 batu — sebagai kawasan perairannya. AS, yang mengiktiraf hanya batasan sejauh 3 batu sahaja, baik di laut maupun di udara, telah menghantar tentera ke kawasan yang dipertikaikan itu dengan niat untuk bertempur.


Apa yang agak menarik ialah sebelum peristiwa itu berlaku, majalah *Newsweek* telah memuat satu laporan yang menunjukkan niat AS. Menurutnya "Selepas beberapa bulan berbincang tentang cara untuk menjadikan Muammar Qaddafi berkecuali, pentadbiran

Reagan akan melancarkan cabaran pertamanya terhadap orang kuat Libya itu pada minggu ini". Laporan itu seterusnya berkata bahawa pentadbiran Reagan ingin "menguji reaksi Qaddafi — serta sekutu-sekutunya di Moscow — dengan mengadakan latihan peperangan dalam Kawasan Teluk (Sidra) . . . Juruterbang dan tentera laut AS telah diberi arahan supaya tidak menembak lain dari sasaran latihan mereka — melainkan kalau mereka diserang dulu. Pegawai-pegawai di Washington juga ingin melihat bagaimana Qaddafi akan bertindak terhadap apa yang mereka tegaskan sebagai satu kebetulan. Tentera Mesir akan mengadakan gerakan tentera di sepanjang sempadannya dengan Libya pada waktu yang sama".

Sikap Libya

Laporan ini telah disiarkan secara besar-besaran dalam akhbar Libya dan ini telah menambahkan ketegangan di Tripoli. Sejurus sebelum berlakunya pertempuran udara itu, seorang pegawai tinggi Libya telah memberitahu pemberita *Washington Post*: "Nampaknya sesuatu yang agak serius sedang dirancang untuk menyerang kami oleh Amerika dan Sadat". Pegawai itu juga telah menarik perhatian tentang pergerakan tentera Mesir dan Sudan yang baru berlaku dan kepada hakikat bahawa "Armada Laut Keenam A.S. sedang menuju ke arah wilayah kami".

Pihak Libya memang mem-



SU22 — buatan Uni Soviet

punyai sebab menasabah untuk merasa gelisah. Dalam masa tujuh bulan pertama sejak ia mengambil alih pentadbiran AS, Reagan telah menampalkan Libya di atas sekali dalam senarai nama negeri-negeri yang dianggapnya sebagai boneka Soviet dan perlu diambil tindakan. Kempen membürukkan Libya sebagai satu kuasa "imperialis" telah dilancarkan secara meluas dalam akhbar-akhbar. Pihak CIA telah bergiat cergas di Tripoli tetapi kegiatan mereka sentiasa saja terbongkar dan penafian AS dibuat secara tidak bersungguh-sungguh. Pentadbiran Reagan juga membekalkan bantuan senjata kepada negeri-negeri yang memusuhi Libya — seperti Sudan.

AS menghasut

Pihak Jabatan Negara AS telah juga mendesak 2,000 rakyat Amerika yang berkerja di Libya supaya meninggalkan negeri itu. Mereka berharap yang tindakan ini akan menimbulkan kesusahan kepada industri minyak Libya. Tetapi, usaha mereka ini telah menemui kegagalan.

Latihan tentera AS di Teluk Sidra telah diadakan sebagai lanjutan kepada perkembangan politik dan ketenteraan ini. Bagaimana pertempuran itu berlaku memang masih belum jelas lagi. Kedua-dua pihak telah memberi gambaran yang berbeza mengenai peristiwa itu. Walau bagaimanapun, ramai pihak yang merasa tidak senang hati terhadap tindakan provokasi A.S. ini terutama sekali apabila mereka membandingkan peristiwa baru ini

dengan peristiwa Teluk Tonkin yang berlaku pada tahun 1964 (yang mana A.S. telah menggunakan peristiwa itu sebagai alasan untuk meluaskan peperangannya di Vietnam dulu).

Yang masih dipertikaikan sekarang ialah (i) pihak manakah yang menembak dulu dan (ii) adakah benar sebuah jet F-14 AS telah ditembak jatuh. Buat masa ini Armada Laut Keenam AS telahpun meninggalkan kawasan teluk itu setelah menamatkan "latihan" mereka. Pihak Libya juga tidak mengambil apa-apa tindakan balas. Sebaliknya, pegawai Libya di Tripoli telah menjamin keselamatan pekerja-pekerja A.S. di negeri itu. Sementara itu, Washington juga mengambil perhatian — dan merasa gembira — kepada hakikat bahawa Libya tidak dapat menggunakan senjata minyaknya akibat kelebihan bekalan minyak di pasaran dunia pada waktu ini. A.S., yang telah memperoleh 10% dari impot minyaknya dari Libya dalam beberapa tahun lalu, telah mengurangkan impot minyaknya dari negeri itu kepada 3-5%.

Tindakan ganas

Dalam surat bantahannya kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, Libya telah mendakwa bahawa "tindakan agresif pentadbiran Amerika ... adalah satu tindakan provokasi yang ganas dan yang akan mengwujudkan kekacauan dan keadaan tidak stabil di rantau ini serta mengancam kedamaian dan keselamatan"

Walaupun negara Arab yang pro-Barat telah mengkritik tindakan A.S. itu secara lembut, tetapi tinda-




F14 — buatan Amerika Syarikat

kan provokasi AS yang tidak berselembung lagi itu telah memaksa mereka untuk berfikir. Mereka menjadi semakin bimbang kerana pertempuran baru ini berlaku tidak lama selepas pentadbiran Reagan membenarkan semula pengiriman 16 buah jet perjuang kepada Israel. (Pengiriman ini telah disekatnya selepas Israel menyerang pusat atom Iraq dan kawasan penduduk di Beirut).

AS tetap degil

Sementara itu, AS dilaporkan sedang meneruskan usahanya untuk mengujudkan keadaan tidak stabil di Libya. Masalah yang dihadapi oleh pihak AS, menurut seorang pegawai di Rumah Putih, ialah tidak terdapatnya pihak pembangkang yang berkesah di Libya sendiri. Tanpa itu, mereka takut akan berulangnya peristiwa kegagalan mereka di Cuba dalam tahun 1961 dulu, iaitu Peristiwa 'Bay of Pigs'. Oleh itu, pentadbiran Reagan sedang memulakan apa yang dikatakan oleh majalah Newsweek sebagai 'usaha yang rumit dan lambat untuk mengujudkan satu barisan pembangkang yang kukuh kepada Qaddafi' **NI**



KONFLIK CHINA—ASEAN DI SIDANG KAMPUCHEA

Nayan Chanda

Setelah para perwakilan mendengar ucapan-ucapan selama dua-puluh jam dan berbincang dengan hebat mengenai draf resolusi di persidangan antarabangsa anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kampuchea, suatu penyelesaian kepada masalah Kampuchea masih belum dicapai.

Namun demikian, dua perkara yang nyata telah timbul di persi-

lagi bahawa persidangan ini yang dicadangkan oleh ASEAN tidak akan berjaya kerana pihak-pihak yang penting Vietnam dan Russia, telah menolak jemputan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Kurt Waldheim, untuk menyertai persidangan ini.

Sikap ASEAN

Sebagai langkah pertama dalam proses perundingan dengan

ASEAN.

Pada awal persidangan ini, ASEAN telah mencadangkan supaya ketiga-tiga pihak dari Kampuchea, termasuk Parti Revolusi Rakyat di bawah pimpinan Perdana Menteri Pen Sovan dijemput ke persidangan ini. Tetapi Parti Revolusi Rakyat tidak akan diberikan kuasa mengundi. Cadangan ini yang bertujuan untuk memenangi hati



dangan ini. Yang pertama ialah wujudnya perselisihan-perselisihan pokok antara ASEAN dan China walaupun kedua-dua pihak ini pernah bersama-sama mengutuk penaklukan Kampuchea oleh Vietnam. Keduanya, persahabatan antara Amerika Syarikat dan China nampaknya semakin lama, semakin menjadi rapat.

Memang telah diduga dari awal

Vietnam, ASEAN pada mulanya telah berharap yang persidangan itu akan menyakinkan Hanoi tentang keinginan ASEAN mencapai perdamaian di rantau ini. Akan tetapi usaha ASEAN ini telah gagal akibat pendirian anti-Vietnam yang tegas yang diambil oleh China. Akhirnya, keputusan yang diambil di persidangan ini adalah jauh daripada yang dikehendaki oleh

Vietnam telah ditentang oleh China dan Barisan Kampuchea Demokratik yang dipimpin oleh Pol Pot.

Oleh kerana ASEAN tidak mahu berhadapan dengan keadaan di mana ia terpaksa mengalahkan China dan Barisan Kampuchea Demokratik ini dalam suatu undian, ASEAN pun meninggalkan perkara ini di sini saja tanpa menyelesaikan-

nya. Apabila persidangan ini tamat, biro yang telah diberikan tugas mencari penyelesaian kepada perkara ini telah juga tidak dapat menyelesaikan soal ini.

ASEAN juga ingin menunjukkan kepada Vietnam bahawa ia memahami kebimbangannya tentang kemungkinan ancaman dari Kampuchea terhadap keselamatannya. Ini bererti bahawa ASEAN secara tidak langsung bersetuju dengan dakwaan bahawa regim Kampuchea Demokratik pernah pada suatu masa dulu mengancam keselamatan sempadannya di barat daya.

Deraf pengistiharaan yang dikemukakan oleh ASEAN dan diluluskan oleh sahabat-sahabatnya berbunyi: "Persidangan ini memahami tentang kebimbangan sah negeri-negeri jiran Kampuchea dalam apa cara jua pun yang ianya tidak patut menjadi suatu ancaman atau digunakan oleh mana-mana negeri untuk melakukan serangan tentera terhadap mereka."

Dalam mesyuarat tertutup kumpulan kerja wakil-wakil China dan Khmer Rouge menentang dengan kerasnya pengistiharaan ini. Mereka mendakwa bahawa pengistiharaan ini cenderung untuk memberi pengiktirafan kepada penaklukan Vietnam ke atas Kampuchea. Sebagai satu jalan tolak ansur, pengistiharan muktamad persidangan itu telah merujuk kepada kebimbangan keselamatan semua negeri di rantau ini dan kepada perlunya masa depan suatu kerajaan Kampuchea yang mengistihar bahawa ianya tidak akan mengancam negeri-negeri lain, khasnya mereka yang mempunyai sempadan yang sama dengan Kampuchea.

Isu Rumit

Dua isu yang rumit, yang telah menjadi punca perselisihan antara ASEAN dan China ialah cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ASEAN dalam perbincangan-perbincangan tertutup. Cadangan yang pertama ialah semua anggota

Khmer Rouge mesti menyerahkan senjata mereka sebaik-baik saja tentera Vietnam berundur dari Kampuchea.

Cadangan kedua menyarankan supaya suatu kerajaan sementara ditubuhkan untuk mengendalikan negeri sehinggalah satu pilihanraya yang bebas diadakan. Cadangan bahawa semua anggota Khmer Rouge mesti menyerahkan senjata mereka adalah berasal dari pendapat Norodom Sihanouk, bekas Rajah Kampuchea dan Son Sann, bekas Perdana Menteri.

Kedua-dua mereka merasa bahawa pengunduran tentera Vietnam

campurtangan dalam hal-ehwal dalam negeri anggota Bangsa-Bangsa Bersatu. Demokratik Kampuchea masih menduduki kerusi Kampuchea di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walaupun ASEAN mengiktiraf regim Khmer Rouge sebagai pihak yang sah dari sisi undang-undang untuk mewakili Kampuchea dengan tujuan untuk menafikan penyertaan kerajaan Heng Samrin, yang disokong oleh Vietnam di Bangsa-Bangsa Bersatu, namun demikian ASEAN berpendapat bahawa pihak Khmer Rouge telah hilang kewibawaan moral untuk memerintah Kampuchea.



Gerila Khmer Rouge menentang Tentera Vietnam

tanpa disertai dengan penyerahan senjata oleh anggota-anggota Khmer Rouge mungkin akan membawa kepada penubuhan semula satu rejim zalim. Semua anggota ASEAN yang tidak yakin bahawa Khmer Rouge tidak akan mengulangi tindakan-tindakan zalimnya, berpendapat bahawa pandangan kedua-dua bekas tokoh politik Kampuchea itu sebagai adil dan praktikal.

Akan tetapi hakikat bahawa cadangan pertama itu adalah bercanggah dengan suatu prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu menjadi jelas apabila wakil-wakil China dan Khmer Rouge menolak atas alasan bahawa ianya merupakan suatu

ASEAN Bertegas

Cadangan kedua yang menyarankan supaya suatu kerajaan ditubuhkan di Kampuchea telah juga dibantah dengan sekeras-kerasnya oleh China. Ini telah membawa kepada suatu perdebatan antara Duta Singapura ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Tommy Koh dan seorang diplomat dari China. Perdebatan antara kedua-dua ini menjadi begitu serius sehingga beberapa mesyuarat di peringkat menteri terpaksa dianjurkan antara ASEAN dan China.

Dalam mesyuarat ini, Menteri luar Filipina Carlos Romulo telah dengan terus terangnya memberitahu Pemangku Menteri Luar



Pemimpin-pemimpin di barisan anti-Vietnam — Khieu Samphan, Sihanouk

China, Han Nian Long, bahawa sekiranya China terus berdegil dengan pendirian dan membantu perjalanan persidangan, maka ianya akan kehilangan simpati ASEAN dan "akan dipandang sebagai mempermainkan lima buah negeri yang kecil itu."

Menteri Luar Indonesia, Mochtar Kusumatmadja juga memberi amaran kepada Han bahawa sekiranya China mahu membawa konflik ini kepada suatu sesi terbuka, maka ASEAN akan mengesyorkan supaya isu ini diselesaikan secara pengundian. Bila undi diadakan, China akan didedahkan sebagai kumpulan minoriti saja.

Kompromi Tercapai

Akhirnya, jalan buntu ini telah diatasi apabila China bersetuju dengan satu rumusan tolak ansur yang diilhamkan oleh ASEAN dan di derafkan oleh diplomat-diplomat Perancis yang menghadiri mesyuarat kumpulan kerja.

Rujukan kepada perlucutan senjata oleh semua pihak di Kampuchea telah digugurkan dan tempatnya digantikan oleh ayat yang berikut: "peraturan-peraturan yang sesuai patut diadakan agar menjamin supaya semua pihak bersenjata di Kampuchea tidak boleh mengacau atau menghalang" pilihanraya yang akan diadakan. Begitu juga, bahagian mengenai penubuhan kerajaan sementara telah digantikan dengan rujukan kepada "langkah-langkah yang se-

suai untuk menjamin keselamatan."

Wakil-wakil China berpuas hati rumusan kompromi ini. Sekarang mereka boleh mendakwa bahawa usaha-usaha untuk melemahkan kedudukan Khmer Rouge telah digagalkan oleh mereka. Di pihak lain, pemimpin ASEAN pula boleh juga mendakwa secara terbuka bahawa pendapat utamanya hendak mengadakan pilihanraya tanpa halangan dari mana-mana pihak telah diterima oleh China.

Seorang diplomat dari ASEAN mendakwa bahawa pengistiharan muktamad merupakan suatu kemenangan bagi ASEAN; menurutnya pendirian sederhana ASEAN telah mengatasi kedegilan pendirian China. Diplomat ini memberitahu para pemberita bahawa deraf China yang telah diedarkan secara umum pada awal persidangan itu telah ditolak.

Deraf China ini mencadangkan supaya angkatan tentera Heng Samrin patut dilucutkan senjata mereka dan sokongan patut diberikan kepada "perjuangan adil" rakyat Kampuchea. Bantahan awal China terhadap penubuhan sebuah jawatankuasa sementara bagi meneruskan kerja yang telah dimulakan di persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu ini telah digugurkannya.

Hasilnya, suatu jawatankuasa yang terdiri daripada Negeri Thai, Malaysia, Jepun, Nigeria, Senegal, Sri Lanka dan Sudan telah ditubuh-

kan. Namun demikian, peranan yang akan dimainkan oleh jawatankuasa ini telah dikurangkan atas cadangan China.

Pencapaian ASEAN

Sungguhpun pengistiharan muktamad adalah jauh daripada apa yang dikehendaki oleh ASEAN yang ingin menunjukkan sikap yang lebih lemah-lembut terhadap Hanoi, mengikut seorang menteri luar ASEAN, menunjukkan dengan jelasnya kepada Hanoi bahawa ASEAN bukanlah boneka China. Kedegilan China juga telah memperkuatkan lagi persahabatan antara anggota-anggota ASEAN mengikut suatu pendekatan yang jelas berbeza daripada yang diikuti oleh China.

Menteri Luar Thai Sidhi Sawetsila memberitahu *Far Eastern Economic Review* (FEER): "kita tidak percaya bahawa perkara ini (penaklukan Kampuchea oleh Vietnam) boleh diatasi melalui suatu penyelesaian tentera. Kita juga tidak percaya bahawa pihak Demokratik Kampuchea atau mana-mana pihak lain mampu menghalau keluar 200,000 angkatan tentera Vietnam dari Kampuchea." Menteri Luar Singapura, Suppiah Dhanabalan juga berkata bahawa ASEAN tidak mahu berperang dengan Vietnam dalam usaha hendak menyelesaikan masalah Kampuchea.

Walaupun pendirian ASEAN adalah jauh berbeza dari pendirian China, namun ASEAN masih terpaksa memberi sedikit sebanyak sokongan kepada dasar-dasar China dan Amerika Syarikatnya bertujuan hendak mengenakan tekanan terhadap Vietnam. Keadaan ini adalah ekor dari pendirian tegas yang diambil oleh Vietnam sendiri.

Dhanabalan memberi tahu para pemberita di Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa berbagai-bagai tekanan termasuk tekanan diplomatik dan ekonomi terhadap Vietnam mesti diteruskan sehingga Vietnam bersetuju mencari suatu penyelesaian

politik kepada masalah Kampuchea. Beliau menganggap dasar ASEAN yang mengandungi unsur-unsur pujukan dan tekanan sebagai sama dengan ikan masak masam manis.

Pendirian Amerika Syarikat

Suatu perkembangan yang agak penting yang telah timbul di persidangan ini ialah keadaan ASEAN bahawa sokongan dari Amerika Syarikat kepada cadangan-cadangan adalah terbatas sahaja, memandangkan kepada pencantuman kepentingan Amerika Syarikat dan China. Sungguhpun Amerika Syarikat telah mematuhi kehendak ASEAN dengan tidak mengutuk Vietnam dengan sekerasnya dalam ucapan Alexander Haig, namun demikian sebagai balasan Amerika Syarikat telah meminta ASEAN menunjukkan sikap yang lebih muhibah kepada China.


Seorang pegawai kanan dari ASEAN memberitahu majalah *FEER*: "Memang kita merasa hairan terhadap permintaan Amerika Syarikat kerana mereka selalunya berkata, 'kami akan menyokong ASEAN sepanjang jalan'." Menurut seorang pegawai Amerika, oleh kerana tentangan dari dalam negeri terhadap pimpinan Deng Xiao Ping masih kuat lagi, maka China tidak boleh bertolak ansur terhadap perkara-perkara prinsip

seperti pengiktirafan Khmer Rouge. Mengikut punca yang boleh dipercayai, seorang menteri dari ASEAN telah menjawab: "Itulah adalah masalah Deng".

Seorang pegawai ASEAN yang lain, yang lebih bersimpati dengan pendirian A.S. menarik perhatian bahawa oleh kerana persahabatan antara China dan A.S. adalah penting bagi keselamatan ASEAN, maka ASEAN mesti menerima hakikat bahawa A.S. akan mengambil pendirian yang berkecuali dalam konflik antara China dan ASEAN. Maka oleh kerana pendirian China dan ASEAN terhadap Vietnam masih mempunyai banyak persamaan, maka ASEAN berharap yang konflik antaranya dan China tidak akan sampai kepada satu peringkat yang serius sehingga Amerika Syarikat terpaksa menyebelahi salah pihak.

Kesan Kepada Hanoi

Diplomat-diplomat di New York masih tertanya-tanya tentang kesan persidangan itu terhadap Hanoi. Mengikut seorang diplomat A.S.: "Pihak Vietnam boleh mengenapituguran negeri-negeri Barat. Akan tetapi, ia tidak boleh mengenapikan hakikat bahawa 79 negeri, yang separuh darinya adalah negeri-negeri berkecuali, telah datang ke sini untuk menghadiri persidangan ini. Keadaan ini mungkin boleh mem-



Kanak-kanak Kampuchea: menderita ke-laparan

bawa pada satu penyelesaian."

Diplomat-diplomat dan para pemberita dari Vietnam telah mengikuti persidangan ini walaupun mereka tidak mengambil bahagian dalamnya. Nampaknya, tidak lama lagi, Hanoi akan menerima lawatan seorang ahli jawatan-kuasa sementara yang ditubuhkan di persidangan antarabangsa ini.

Akan tetapi, wakil itu akan disambut sebagai seorang diplomat dari negeri yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Vietnam. Memandangkan pendirian Vietnam sekarang, besar kemungkinan wakil itu akan diberitahu sekali lagi tentang cadangan Vietnam untuk mengadakan suatu persidangan serantau antara ASEAN dan Indo-China.

Seorang diplomat memberitahu *FEER*, "Bangsa-Bangsa Bersatu boleh memainkan peranan sebagai orang tengah dalam masalah Kampuchea hanya setelah badan itu menggururkan pendirian yang menyebelahi rejim zalim Pol Pot."

Walaupun bagaimanapun, kesan sampingan yang timbul dari persidangan ini ialah Khmer Rouge telah mendapat jaminan yang ia akan dapat mengekalkan kerusinya di Bangsa-Bangsa Bersatu dalam Berhimpunan Agung badan itu pada bulan September akan datang. **NI**



Pelarian Kampuchea

siri kartun-sambungan dari bulan lepas

PERANG DUNIA I

NEGARA-NEGARA IMPERIALIS BERTELINGKAH DAN PERANG DUNIA MELETUS PADA TAHUN 1914. PEKERJA PEKERJA SELURUH NEGERI DAN DAERAH DI KERAH BERPERANG TANPA KASIHAN BELAS.

MEREKA SANGKA ITULAH PERJUANGAN SICI MEMPERTAHANKAN ISU PERTIWI, MEREKA TERTIPU. KALAU MEREKA SBDAK, MEREKA TIDAK RELA MATI BERSUNUHAN SESAMA SENDIRI. KAPITALIS ADALAH MUSUH BERSAMA YANG PATUT DIPBA' I.



PERTEMPURAN
DI UDARA

PERTEMPURAN DI LAUT



TENTERA PERANGHIS
DARI AFRIKA

TENTERA AMERIKA

TENTERA ITALI

TENTERA INGGRIS

MEREKA MEMBERIKAN KAMI SENJATA DAN
KAMI BELAJAR CARA-CARA MENGGUNAKAN NYA.
KEMUDIAN KAMI TEMBAK SAUDARA-SAUDARA
KAMI SENDIRI, IA ITU PEKERJA-PEKERJA DARI
NEGARA-NEGARA LAIN. ITU LAH YANG
DI PERINTAHKAN OLEH KAPITALIS, PEMBELOT
GOLONGAN PEKERJA.

OKTOBER



RAKYAT DI RUSIA BERPENDAPAT BAHAWA KAPITALIS PERLU DI HANGURKAN
SEGERA. DARI AWAL-AWAL LAGI, MEREKA YAKIN BAHAWA JIKA MEREKA MAHU
MENGEMBALIKAN KUASA KEPADA TANGAN MEREKA, MAKA MEREKA
MEMERLUKAN REVOLUSI. KILANG-KILANG DI ANBIL ALIH OLEH PEKERJA-
PEKERJA.



1917.

MULAI SEKARANG, KITA HANYA MENGELUARKAN BARANG-BARANG YANG KITA PERLUKAN SAHATA. KITA TIDAK PERLU BIMBANG BARANG-BARANG LAKU KERANA APA YANG KITA KELUARKAN AKAN KITA GUNAKAN SEMUA NYA, DAN SUDAH TENTU KITA MAMPU MEMBELI NYA. TIADA SIAPA YANG AKAN MERAMPAS HAK KITA KERANA MULAI SEKARANG SEGALA HASIL TITIK PELUH KITA ADALAH UNTUK FAEDAH DIRI KITA SENDIRI.

BILA KITA KEKURANGAN MAKANAN, SEMUA AKAN KEKURANGAN MAKANAN. LADANG DAN KILANG AKAN MENGHASILKAN CUKUP BAHAN-BAHAN UNTUK SETIAP ORANG. KAPITALIS DI SELURUH DUNIA KINI MULA MERASA BIMBANG. KEGEMBIRAN JELAS TERBAYANG PADA WAJAH SETIAP PEKERJA MASA NYA SUDAH TIBA UNTUK KITA MELANCARKAN SATU REVOLUSI.

Berita-Berita Ringkas

K.H. Lim

Mengenang Kembali Pahlawan Berjasa

Sempena menyambut ulang-tahun kemerdekaan yang ke 24, Tan Sri Samad Idris telah menulis satu rencana yang menarik dalam *Mingguan Malaysia* dan *Utusan Malaysia*. Antara lain beliau telah menulis:

"Sejarah kemerdekaan tanahair kita tidak akan lengkap kalau meninggalkan nama tokoh-tokoh di luar UMNO. Gelombang perjuangan orang Melayu menuntut kemerdekaan bukan bermula selepas perang.

Bibit-bibit perjuangan ini telah mula ditanam dan disemai sebelum perang lagi. Dan ia telahpun tumbuh dan bercambah di waktu Jepun, kemudiannya mula bertunas setelah perang.

Nama-nama seperti Ibrahim Haji Yaacob, Ishak Haji Muhammad, Dr. Burhanuddin, Mohd Noor, Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, Harun Mohd, Amin, Hassan Haji Manan, Abdul Karim Rashid dan beberapa tokoh sebelum perang adalah memberi sumbangan yang bererti terhadap perjuangan kemerdekaan. Kegiatan mereka dalam ikatan Semenanjung - Borneo adalah menuju ke arah kemerdekaan ini.

Tokoh-tokoh sesudah perang di luar UMNO seperti Ahmad Boestaman, Abdul Kadir Adabi, Mustapha Haji Hussein, Muhammad Yassin Salleh (ayah kepada Tan Sri Kamarul Ariffin), Muhammad Ibrahim Fikri (kemudiannya menyertai UMNO dan Menteri Besar Trengganu). Abdul Samad Ahmad, Onan Haji Siraj (sekadar menyebut beberapa nama) - tidak boleh kita lupakan begitu saja sumbangan mereka.

Jasa serta sumbangan mereka ke arah merintis kemerdekaan tanahair

akan terus subur mekar di taman sejarah negara. Sepatah kata Allahyarham Tun Dr. Ismail setiap nasionalis sama ada berfaham kiri atau kanan telah sama-sama memberi sumbangan dalam perjuangan merobut kemerdekaan yang dipelopori oleh UMNO.

Pemberontakan yang dilakukan oleh orang Melayu di Jenderam, Selangor dan di Temerloh, Pahang serta lain-lain tempat di mana mereka telah menyekutukan diri dengan penganas komunis di dalam hutan janganlah dianggap mereka berfahaman komunis secara melulu.

Dari penelitian sejarah amatlah jelas bahawa mereka adalah tokoh-tokoh kebangsaan Melayu yang tulen. Mereka memilih jalan hanya dengan pemberontakan saja untuk mencapai kemerdekaan. Hal ini diperkuatkan dengan cita-cita API pimpinan Ahmad Boestaman yang meluangkan slogan "Merdeka Dengan Darah".

Inilah yang saya jelaskan sebagai seorang askar yang berjuang di medan perang tidak semuanya berjaya mengibarkan bendera kemenangan. Tidak kurang di antaranya yang terkorban dan mati sebelum mencapai kemenangan yang dimimpikan.

Maka demikianlah halnya dengan tokoh-tokoh kebangsaan yang di luar UMNO yang kecundang dalam perjuangan politiknya. Namun sumbangan mereka tetap abadi dalam denyut nadi sejarah kebangkitan nasionalis Melayu. Kita tidak akan dapat membanggakan kemerdekaan tanahair sekiranya mengeneipkan sejarah kemerdekaan itu sendiri."

Ratusan Harijan Memeluk Islam Gemparkan Seluruh India

Baru-baru ini kira-kira 400 orang

kaum Harijan (iaitu golongan kasta paling rendah di India) dari sebuah kampung di Tamil Nadu, sebuah negeri di selatan India, telah bera- mai masuk Islam. Peristiwa ini telah menimbulkan rasa bimbang dan panik pula di kalangan kebanyakan kasta-kasta Hindu yang lain khususnya dari Kasta atasan.

Kasta Harijan yang telah memeluk agama Islam kini menyedari bahawa mereka telah mempunyai kuasa bertaraf politik walaupun jika tidak dapat menggunakannya memadailah sebagai satu cara untuk mengubah corak hidup mereka yang kini melarat.

Bagi berjuta-juta kaum Harijan mereka bukan sahaja hidup dalam keadaan miskin terus terusan. Walaupun pada nama mereka beragama Hindu, tetapi taraf mereka telah menghalang mereka dari memperoleh hak dalam agama kerana mereka lahir di kalangan kasta rendah.

Tidak semua golongan Harijan yang ingin menukar agama mereka dari Hindu menjadi Islam. Setengah dari mereka memeluk agama Kristian dan yang lain memeluk agama Buddha.

Tetapi, isu menukar agama dan Hindu kepada Islam oleh golongan Harijan baru-baru ini telah membangkitkan satu semangat kemarahan di negeri itu. Kini tiap-tiap hari timbul dakwaan kononnya wang Arab digunakan untuk 'membeli' pertukaran agama itu. Tersebar juga secara meluas khabar-khabar angin yang mengatakan bahawa negara-negara Teluk berhajat untuk mengislamkan kira-kira 1 juta kaum Harijan ini setahun supaya dalam masa 10 tahun, jumlah penduduk India yang beragama Islam meningkat dari 80 juta kepada 200 juta.

Kebimbangan ini bukan sahaja meliputi hati dan perasaan kasta-kasta tinggi agama Hindu, tetapi juga menulor kepada pihak tertinggi pemerintah India. Kini telahpun wujud semacam satu ancaman dari masyarakat Hindu terhadap pertukaran agama ini. Ketua Menteri Tambil Nadu berkata beliau "tidak ragu-ragu" untuk mengharamkan pertukaran agama ini sekiranya perbezaan kasta dieksploitasi.

Reaksi seperti ini memang agak luar biasa. Sebagaimana dikatakan oleh Ketua Institut Kajian Pembangunan Madras, C.T. Kurien: "Berjuta-juta kaum Harijan Kebuluran setiap hari. Beratus orang terbunuh dalam perkelahian di kalangan kasta-kasta ... Tetapi tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah untuk mengurangkan penderitaan mereka. Sebaliknya apabila seratus orang Harijan menukar agama mereka ke-

pada agama Islam, maka meletuslah satu kegemparan dan ruangan yang maha hebat".

RUMAH KG. KONGGO MODEL KURUN 19 MASIHI

Model rumah murah tanpa pintu belakang di Kg. Konggo cuma terdapat pada penghujung kurun ke 19 dan awal kurun ke 20 ketika memuncak zaman revolusi perusahaan di Eropah dan Amerika. Rumah seperti itu banyak dibina zaman itu memandangkan bertambahnya bilangan penduduk yang berkerja di kilang-kilang perusahaan. Inilah pandangan yang diberikan oleh pengerusi Persatuan Akitek Malaysia (PAM), En. Tan Eng Kiong ketika diminta mengulas mengenai reka bentuk rumah murah tanpa pintu belakang yang tersiar dalam akhbar baru-baru ini.

Menurutnya, apabila didapati pembinaan rumah seperti itu tidak

selamat di segi kesihatan dan mendatangkan bahaya kepada penghuni-penghuni terutama yang mempunyai ramai keluarga, satu undang-undang dikuatkuasakan bagi mencegah pembinaan diteruskan.

En. Tan juga memberitahu bahawa rumah yang dibina oleh Dewan Bandaraya tidak sesuai didiami di zaman ini memandangkan penghuni-penghuninya terdiri dari orang Melayu yang masih berpegang kuat dengan adat resam ketimuran.

"Pada amnya rumah tanpa pintu belakang memang boleh mendatangkan bahaya. Kedudukan rumah seperti itu juga tidak baik dari segi kesihatan terutama mereka yang tinggal di bahagian tengah," tambah En. Tan.

"Mungkin rumah tersebut dibina mempunyai sesuatu keistimewaan, kalau tidak masakan ia boleh dibina untuk orang ramai", ujarnya lagi. (11)

HUBUNGAN CHINA—ASEAN MASIH KUSUT

Wan Noraini

Petikan dari *Far Eastern Economic Review*,

Pada bulan Ogos lepas, Perdana Menteri China, Zhao Ziyang, telah melawat negara Asean. Menurut beberapa sumber, para pemimpin China menganggap lawatan Zhao itu sebagai amat penting. Peking merasakan bahawa perselisihannya dengan Asean di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu (BBB) mengenai Kampuchea di New York baru-baru ini (lihat artikel mengenainya dalam NI keluaran ini) adalah berpunca dari kebimbangan negara-negara Asean terhadap motif sebenarnya di Asia Tenggara. Oleh itu, apabila Zhao membuat lawatan ke Filipina, Malaysia, Singapura dan Thailand, ia telah mengambil kesempatan ini untuk cuba meyakinkan semula pemimpin-pemimpin Asean tentang pendirian China mengenai Kampuchea dan Asia Tenggara. Beberapa orang diplomat

Asean berpendapat bahawa Zhao telah mencapai sedikit kejayaan dan telah dapat memahami dengan lebih mendalam tentang beberapa isu yang dianggap sensitif oleh Asean.

Berlinaan Layanan

Menurut satu sumber, China telah mendapati rundingannya dengan Malaysia sebagai paling sukar kerana "Singapura dan Filipina mempunyai gambaran menyeluruh dan dengan itu lebih memahami tentang ancaman Soviet di rantau ini". Berbanding dengan rakan-rakan lain dalam Asean, Filipina dilaporkan tidak menunjukkan banyak minat tentang Kampuchea. Sebahagian besar dari masa lawatan Zhao ke Manila telah digunakan untuk membincang tentang perdagangan antara dua negara itu. Di Singapura, sebagaimana yang di-

jangkakannya, Zhao telah diberitahu oleh Lee Kuan Yew secara terus terang tentang pendirian negaranya terhadap China. Ada pihak berpendapat bahawa apa yang dikatakan oleh Kuan Yew kepada Zhao adalah lebih ditujukan kepada pemimpin-pemimpin Asean yang lain.

Adalah tidak jelas sejauh mana kedua pihak telah mengurangkan jurang perbezaan pendapat mereka mengenai cara penyelesaian masalah Kampuchea dalam jangkamasa panjang. Dalam ucapannya di majlis makan di Singapura, Zhao berkata: "Kami ingin melihat sebuah negara Kampuchea yang merdeka dan berkecuali dengan kerajaan campuran yang merangkumi semua tenaga patriotik". Singapura telah mem-bawah penggunaan ungkapan "semua tenaga patriotik" yang di-

sifatkannya sebagai bukti yang China mahu Khmer Rouge berkuasa semula di Phnom Penh.

Perbezaan Pendapat

Kuan Yew telah mengingatkan Zhao bahawa semasa lawatannya ke China dulu, dia dan Naib-Pengerusi China Deng Xiaopeng telah bersetuju yang semua pihak di Kampuchea harus meletak senjata semasa rakyat negeri itu menentukan pilihan mereka. Menurut seorang pegawai Singapura, pihak China juga telah 'mengesahkan' tentang adanya persetujuan ini. Tetapi satu sumber yang mengetahui tidak yakin bahawa China akan benar-benar tetap bersetuju dengan pendirian itu sekarang.

Soal Kampuchea

Kuan Yew telah mengkritik China kerana melihat masalah Kampuchea dari sudut perundangan semata-mata dan berpendirian bahawa kerajaan sah Kampuchea (iaitu kerajaan Khmer Rouge) harus berkuasa semula selepas tentera Vietnam berundur. Pendirian Asean pula ialah: Memandangkan kekejaman yang pernah dilakukan oleh Khmer Rouge maka bantuan kepadanya harus diberhentikan. Asean sendiri telah menghujah di masa lalu dari sudut perundangan dalam pertentangan mereka dengan negara-negara yang mengiktiraf regim Hang Samrin. Tetapi, menurut seorang pegawai Singapura, pendirian ini hanya untuk menentukan Kerajaan Demokratik Kampuchea mengekalkan kerusinya di BBB semasa tentera Vietnam masih berada di Kampuchea. Oleh itu, adalah tidak wajar bagi China untuk terus dengan pendirian itu apabila tentera Vietnam telah berundur dari Kampuchea.

Menurut pegawai Singapura lagi, China sekarang terima pada prinsipnya hakikat bahawa Khmer Rouge harus meletak senjata setelah tentera Vietnam berundur tetapi meminta Asean mengakui kesan

negatif langkah tersebut pada waktu ini. Kedua-dua pihak bersetuju untuk membincangkan perkara ini selanjutnya. Tambahan pula, pada masa ini tentera Vietnam masih belum berundur dari Kampuchea.

Kuan Yew juga memberitahu China bahawa bantuan berterusannya kepada Khmer Rouge telah menambahkan kesangsian negara-negara Asean tentang motif jangka-masa panjang China di Asia Tenggara. Pihak China pula telah memberitahu bahawa mereka tidak mempunyai niat untuk memaksa satu regim Marxis ataupun sebuah negara boneka di Kampuchea. Mereka menekankan bahawa mereka pernah memberitahu pihak Vietnam bahawa sebaik saja tentera Vietnam berundur dari Kampuchea, mereka akan bersedia untuk menandatangani perjanjian tidak mencero-bohi dengan Hanoi.

Sokongan kepada parti komunis tempatan

Mengenai persoalan sokongannya kepada parti-parti Komunis di rantau ini, di sepanjang lawatannya itu Zhao telah berkali-kali menyatakan bahawa China sekarang hanya memberi sokongan "politik dan moral" sahaja. Pihak Filipina dan Thailand nampaknya agak berpuas hati dengan jaminan ini sementara Malaysia dan Singapura tidak. Kuan Yew telah mengkritik Zhao tentang hal ini. Setengah pegawai Singapura merasakan bahawa pendirian China itu menunjukkan sikap "chauwinis Han" Peking serta kurang mengambil penduli tentang kepekaan kerajaan-kerajaan di rantau ini.

Malaysia dan Singapura juga menolak dakwaan Zhao bahawa sekiranya China memutuskan hubungannya dengan parti-parti komunis di rantau ini maka pihak Soviet dan Vietnam akan mengambil kesempatan dan akan mengisi kekosongan itu. Setengah pemerhati dari negara bukan Asean berpendapat bahawa dakwaan Zhao itu mungkin benar

tetapi tidaklah wajar bagi China untuk menyuarakannya.

Kuan Yew telah berkata bahawa selagi China tidak mahu memutuskan hubungannya dengan parti-parti komunis di rantau ini maka Asean mempunyai asas yang wajar untuk merasa bimbang terhadapnya apabila berkerjasama dalam mencari penyelesaian kepada masalah Kampuchea. Secara tidak langsung ia juga telah menyalahkan China atas masalah yang dihadapi oleh Kampuchea sekarang.

Keraguan Malaysia

Walau bagaimanapun, keraguan Malaysia terhadap China melibatkan isu yang lebih besar dari isu sama ada Peking memberi sokongan kepada Parti Komunis Malaya dan parti komunis lain di rantau ini atau tidak. Mengikut pandangannya, walaupun masalah bantuan China kepada parti komunis tempatan dapat diatasi, kebimbangan terhadap China sebagai sebuah kuasa besar yang boleh menakluki seluruh kawasan ini tidak akan hilang begitu saja kepada ramai orang Malaysia dan Indonesia, China sebagai satu kuasa dan sumber aspirasi perkauman China adalah lebih merbahaya dari China sebagai pengeksport revolusi. Mereka menganggap dasar China sekarang lebih terang-terang bersifat nasionalis dan keChinaan jika dibandingkan dengan dasar Mao dulu.

Di samping itu, China juga masih tetap tegas dengan tuntutan ke atas kawasan yang luas di Laut China Selatan. Setengah orang percaya bahawa kerapatan hubungan China dengan Amerika Syarikat tidak akan mempengaruhi sikapnya terhadap Asia Tenggara. Oleh itu, sekiranya ditinjau dari perspektif ini, maka masalah bantuan China kepada parti komunis tempatan hanyalah merupakan petanda, dan bukanlah sebab yang menimbulkan, masalah dalam hubungan antara negara-negara Asean dan China. (M)

DIA

di tubuhnya mengalir darah pekat
panas dan berhaba
dibaluti kulit tebal dan liat
sebagai petanda kegigihannya
bekerja
untuk hidup sebagai manusia.

tulang-tulangnya keras
otot-otot kental
melalui sula penuh cabaran
zaman berzaman
tidak pernah tunduk menyerah
betapapun penderitaan.

matanya lembut
wajah demikian tenang
terbentuk dari pengalaman yang panjang
setia pada bangsanya
akrab terhadap kawan
sumpahnya berakar umbi di bumi tersayang.

bibir yang peramah
sifatnya merendah hati
tersenyum meski dalam kepahitan,
dia sedia menabur bakti
tanpa persoalan
atau mengharap balasan.

di sawah di laut di kilang
dia sabar menghadapi tekanan
di sungai di dusun di ladang
dia tekun membina kekuatan
dari tangan-tangan kasar serta pejal
dibentuknya kesedaran
dan terpahat suatu keyakinan
menegakkan keadilan!

Setiakawan

Demi Kebenaran Kita Bangun

dan, masihkah kita begini
melihat
mendengar
melompong
mengangguk
mengharap
menerima
membiar
menunduk
mengikut
menunggu, sampai
MATII!

ayuh! kita bangun
usah biarkan ombak kebenaran
memukul pantai hatimu — resah gelisah
nantı di kuburan matamu tak bisa lelap.

dengan seribu jebat di dada
musnahkan tuah di hati
demi kesucian yang dihitamkan
demi kebenaran yang ditidakkan
bersakaikan mata kebenaran
kita ngalir darah merah
dari puncak Tahan ke dasar Selat Melaka
dengan darah mereka
yang petah dengan bicara wangian kosong
dengan janji lautan syurga
apa ditunggu
MAJU!!

WANTA
msi
kota bharu.

CINTA

Oleh Hassan Abd. Karim

"Seorang lelaki hanya dapat mencintai seseorang perempuan jika perempuan itu rela menyerahkan segala-galanya. . ."

"Termasuk kebebasannya?"

"Ya, termasuk kebebasannya", jawab Mahmud tegas. "Maafkan aku, Anna. Aku tidak dapat menyintai mu kerana aku tidak dapat menguasai mu".

"Satu pengakuan, Mahmud?"

"Ya, satu pengakuan".

"Apakah ini bermakna engkau berfikir dua kali untuk mengahwini ku?"

"Aku telah pun mengambil keputusan".

"Meninggalkan ku?"

Mahmud mengangguk. Mukanya mencerminkan perasaan malu bercampur bersalah.

Anna ketawa. Sinis. "Terlalu mudah rupanya hati lelaki. Mudah ketika inginkan sesuatu. Dan juga mudah ketika melepaskan sesuatu".

Mahmud memandang tepat wajah gadis hitam manis di depannya.

"Engkau keciwa, Anna? Engkau marah?"

"Tidak", jawab Anna sambil mengangkat bahunya. "Mengapa mesti aku marah".

"Tidak juga. Telah aku katakan dulu. Engkau perlukan seorang wanita yang mudah. Mudah engkau cintai, kerana ia mudah engkau kuasai."

"Seorang wanita yang senang menyerah yang engkau maksudkan, Anna?"

Anna diam. Wajahnya sedih tetapi dia tidak menangis. Inilah cintanya yang pertama. Dan ia patah di tengah jalan.

+++++

Keretapi bergerak ke depan, tetapi fikiran Anna semakin surut ke belakang.

Empat tahun lalu ia telah menemui Mahmud, seorang pemuda berusia 27 tahun. Mahmud seorang pemuda biasa. Ia bekerja sebagai seorang buruh kilang di Johor Bahru. Tetapi umurnya tidak panjang. Kematian Mahmud begitu mengejut. Anna hanya tahu malam semalam. Ketika itu ia berada di satu majlis perkahwinan temannya di Petaling Jaya.

Anna menangis. Dia tidak dapat menahan hatinya. Badannya terasa lemah. Tidak pernah ia begini.

Keretapi berjalan terus.

Pertemuannya yang pertama dengan Mahmud secara tiba-tiba. Seorang teman di Johor Bahru telah memperkenalkannya kepada pemuda itu. Tetapi beberapa bulan kemudiannya Anna diberitahu bahawa Mahmud telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

"Ramai orang kata anak mak cik jahat", Anna masih teringat kata-kata ibu Mahmud.

Dua tahun Mahmud merengkok dalam penjara di Kemunting, Perak. Pada bulan Januari tahun lepas, ia dibebaskan. Anna di antara yang mula-mula menziarahinya. Tak ramai orang tahu akan nasib pemuda itu. Tak ramai juga yang tahu ia ditangkap dan dibebaskan.

"Aku bukan orang terkenal, Anna", ujar Mahmud merendah diri.

Kemudian ia bertanya. Suaranya tegas. "Kenapa engkau datang menemui aku, Anna?"

"Adakah itu salah?"

Mahmud ketawa. "Tidak. Tetapi engkau bersusah-susah datang dari Kuala Lumpur. Hanya kerana untuk menziarahi aku. Tetapi kawan-kawan seperjuangan ku di Johor Bahru ini masih tidak ada masa untuk menjenguk muka".

Ada nada sinis dalam ayat terakhir yang diucapkan oleh Mahmud itu. Anna masih ingat akan wajah Mahmud yang keciwa terhadap kawan-kawannya.

Anna datang lagi ke Johor Bahru beberapa kali selepas itu. Kebetulan pada ketika itu ia sedang menjalankan satu kajian mengenai keadaan pekerja-pekerja kilang wanita di bandar Johor Bahru untuk latihan ilmiahnya. Setiap kali ia ke Johor Bahru, ia pasti menemui Mahmud.

Hubungan mereka semakin hari semakin rapat dan semakin mesra.

"Bagaimana kalau kita kahwin, Anna?". Dengan begitu tiba-tiba Mahmud meluahkan perasaannya pada suatu hari. Ketika itu ia sedang menghantar Anna ke stesyen teksi untuk pulang ke Kuala Lumpur.

"Aku serius, Anna", Mahmud cuba menyakinkan.

"Tetapi, kita baru sangat berkenalan?", jawab Anna.

"Benar Anna. Tetapi kita sudah begitu dewasa".

"Aku lebih tua dari kau, Mahmud. Engkau mesti ingat tentang itu".

"Ah, itu tidak menjadi soal, Anna. Yang penting aku merasa sesuai dengan mu".

"Beri aku masa untuk berfikir, Mahmud".

"Baiklah. Tetapi jangan engkau menolak kerana pelajaran ku tidak tinggi. Atau aku hanya seorang pekerja biasa."

"Aku tidak akan begitu zalim, Mahmud. Dan aku harap engkau dapat lenyapkan rasa rendah dirimu itu".

Akhirnya keretapi sampai di stesyen Johor Bahru. Jam menunjukkan pukul tujuh pagi. Anna dengan tidak berlembaga lagi terus menuju ke rumah ibu Mahmud.

Makcik Zainab yang berumur 55 tahun itu masih lagi disebarkan kesedihan.

"Mahmud terjatuh semasa bekerja, Anna", perempuan tua itu memberitahu.

"Isteri dan anaknya di mana Makcik?" tanya Anna.

"Mereka tinggal di Pasir Gudang."

Dengan bertembakan Makcik Zainab, Anna ke pusara Mahmud. Kelihatan tanah masih merah lagi. Tetapi bunga-bunga yang ditabur kelihatan layu. Anna membawa kuntum-kuntum baru, kuntum-kuntum ros berwarna merah.

Makcik Zainab terpaku di tepi pusara anaknya itu. Ia memerhatikan saja kelakuan wanita muda yang pernah menyintai anaknya itu.

Bila mereka telah di rumah, orang itu tidak dapat menahan keinginannya untuk tahu.

"Anna, jangan marah kalau makcik bertanya".

"Apa dia makcik?" Anna kehairanan. Wajah perempuan itu ditatapinya penuh terharu.

"Sampai sekarang Anna, makcik masih tidak faham kenapa hubungan kamu berdua dulu putus. Dan Mahmud seperti benar-benar mahu melupakan mu dan terus kahwin kemudiannya dengan Kamariah".

"Tak ada jodoh, makcik". Jawab Anna ringkas. Anna cuba mengelak soalan yang begitu sensitif baginya. Dan

orang tua itu tidak bertanya lagi.

Sikap Mahmud memang benar-benar berubah bila cintanya dulu berbalas. Ia berubah menjadi seorang lelaki yang possessif. Ia sering merasa cemburu bila Anna bergaul mesra dengan kawan-kawannya. Perubahan ini sangat melemaskan Anna yang biasa dengan hidup bebas.

Anna masih ingat peristiwa di suatu petang di mana ia dan Mahmud bertengkar. Mahmud memarahnya kerana Anna lebih mengutamakan kawan-kawan politiknya dari dirinya. Pada ketika itu, Anna tidak dapat bersabar lagi. Ia benar-benar marah. "Engkau sama saja seperti lelaki yang lain, Mahmud. Belum pun kita kahwin engkau sudah mahu membatasi kebebasanku".

Tetapi di tepi pusara tadi, Anna menangis lagi.

Betapa singkatnya hidup ini pada setengah orang, hati kecil Anna berkata. Seorang pemuda yang baru saja dapat mengecap bahagia — punya seorang isteri yang setia dan dikurniakan seorang anak — tiba-tiba direggut kematian.

"Mujur kakak tidak kahwin dengannya. Kalau tidak tentu kakak dah jadi janda", Anna teringat pula kata-kata yang diucapkan oleh Salmah, adik iparnya, semalam. Anna tidak marah. Tetapi kata-kata itu terlalu kesat dan kejam pada fikirannya.

"Sungguhpun aku tidak kahwin dengannya, tapi Mahmud tetap meninggalkan janda."

"Mahmud telah berkahwin dengan perempuan lain?"

Anna mengangguk.

"Dan kakak masih tetap sayang padanya?"

Anna mengangguk lagi.

"Kakak masih cinta padanya walaupun dia telah jadi suami orang?"

Anna diam. Dan Salmah masih tidak mengerti. **NI**

sambungan dari muka 40

menurut Ahmed Ben Bella, sekiranya isu pembebasan tidak lagi dapat dijadikan pendorong kepada pergerakan Dunia Ketiga hari ini, kebudayaan boleh. "Pendekatan kepada pembangunan harus bermula dengan kebudayaan. Terutama hari ini di mana kita telah mengambil model Barat untuk membangun negeri kita dan membelakangkan kebudayaan kita sendiri. Kesan dari model pembangunan yang satu-satunya kita laksanakan ini menunjukkan bahawa kita telah mengambil jalan yang salah.

Kita telah tersilap dalam mengambil keperluan-keperluan penggunaan di negara Utara sebagai model kita. Akibatnya, alam semulajadi kita terancam. Kita membazir dengan banyaknya. Kita mengguna terlalu banyak. Pembangunan di negara-negara Utara adalah berbentuk saling memusnahkan. Masalah di Utara ialah pembangunan hanya dilihat dari segi pendapatan kasar negara; itu sajalah yang penting. Yang lain-lainnya tidak — kesejahteraan, kesucian, tidak diambil kira".

"Terdapat juga perubahan dari segi falsafah. Keinginan untuk mengguna ini, semata-mata mengguna, dengan semua propagandanya, telah mengujudkan sejenis manusia ... yang menyalahgunakan kuasa dan mementingkan diri sendiri, yang hidup hanya untuk dirinya sendiri, (dan) menghantar orang tua mereka mati di rumah orang-orang tua — di sinilah berakhirnya peradaban".

Mengikut Ben Bella, agamanya telah memupuk disiplin diri yang dapat mengatasi kekecewaan kerana keterpencilannya dan yang menggalakkannya terus membaca dan belajar.

Pada tahun 1977, Ben Bella telah dikurung selama 12 tahun; dalam tempoh itu, lawatan ibunya yang terus memberi ilham kepadanya. Sebelum ia meninggal dunia, ibunya telah mencari jodoh bagi anaknya. Zohra adalah muda, comel dan kuat beragama dan idealistis seperti Ben Bella. Dia pernah mula bergiat menentang penjajah semasa di bangku sekolah lagi dan telah dipecat dari sekolah Perancisnya. **NI**

Ben Bella:

AKHIRNYA BEBAS, TAPI
DUNIA MASIH TERBELANGGU

(Petikan dari THE GUARDIAN)

Ahmed Ben Bella adalah presiden pertama Algeria dan hero kepada satu perjuangan menentang penjajahan amat hebat yang pernah disaksikan oleh dunia. Beliau juga merupakan salah seorang pengasas pergerakan negara-negara berkecuali yang masih hidup. Baru-baru ini beliau telah muncul semula, selepas hampir dua dasawarsa diasingkan secara paksa dari politik negaranya dan politik dunia, dengan perasaan keciwa atas kehilangan daya untuk mencorak masa depan serta keazaman politik di kalangan negara-negara Dunia Ketiga. Namun demikian, beliau masih bertekad untuk terus memberi sumbangannya kepada usaha-usaha negara-negara ini untuk merobah perjalanan sejarah.

Ahmed Ben Bella menyalahkan ramai pemimpin negara Dunia Ketiga masa kini kerana menerima tanpa penelitian mendalam model-model pembangunan dari negara-negara Barat. Menurutnya, amalan ini telah melahirkan golongan elit yang rakus dan rampasan kuasa tentera yang silih berganti, "Kita perlu lebih ramai manusia yang berperikemanusiaan. Perkembangan di mana kelas pemerintah terdiri dari golongan yang mempunyai keistimewaan dan menerima rasuah serta takut kepada rakyat mereka sendiri ... ini semua adalah satu penyelewengan", katanya.

Mengenai pergerakan negara-negara berkecuali, Ahmed Ben Bella berkata: "Memang saya berasa amat keciwa. Kita tidak dapat mengatakan bahawa pergerakan ini telah mengujudkan satu kuasa yang berasingan dan mampu mempengaruhi perkembangan sejarah, satu kuasa yang tidak terikat dengan kumpulan kuasa yang sudah ada. Lihat sajalah Fidel Castro, pengerusi pergerakan negara-negara berkecuali masa kini, kita tidak boleh mengatakan yang ia berkecuali".

Beliau seterusnya berpendapat bahawa "adalah amat perlu bagi negara-negara Dunia Ketiga mengujudkan satu sistem baru di samping sistem yang wujud. Apabila kami mengambil keputusan mengenai perkara ini dalam 1965, kami hanyalah merupakan 40 buah negara Afro-Asia. Saya masih percaya bahawa kami telah mengambil keputusan yang betul." Tetapi, rampasan kuasa yang menggulingkan beliau telah dijalankan pada malam sebelum persidangan tersebut dirasmikan dan akibatnya persidangan itu dibatalkan. "Pergerakan Afro-Asia telah berkubur pada malam itu".

"Memang benar bahawa untuk mengujudkan satu sistem yang baru bukanlah mudah. Dunia kapitalis tidak akan membiarkan perkara ini berlaku tanpa apa-apa halangan. Dunia kapitalis telah wujud selama empat abad, dan berfungsi dengan amat baik sekali, berasaskan



AHMED BEN BELLA

satu idea — eksploitasi. Perubahan memerlukan keazaman politik yang tulen ... Saya rasa dewasa ini keazaman politik yang perlu itu tidak merupakan arus yang kuat".

Beliau juga berkata bahawa ia tidak akan menunggu dialog Utara-Selatan menghasilkan sesuatu; sebaliknya akan bermula dengan dialog selatan-selatan. Pandangan ini adalah selaras dengan cadangan asas beliau mengenai pembangunan di Dunia Ketiga — pengurusan sendiri. Cadangannya dalam hal ini akan melibatkan, antara lain, penguasaan kaum pekerja ke atas kilang dan ladang serta pengagihan kuasa pentadbiran.

"Ianya harus menjadi bentuk pengurusan dalam semua masyarakat, untuk Dunia Ketiga dan juga negara-negara Utara. Tugas agama, usulludin dan falsafah bukanlah untuk mengumpul kekayaan, tetapi untuk membentuk manusia, untuk membina manusia yang bertanggungjawab. Dunia Ketiga mestilah membebaskan dirinya dari corak pembangunan Barat di mana pusat memerah kawasan-kawasan pinggir".

Ahmed Ben Bella masih merupakan seorang sosialis, tetapi "secara peribadi, saya berpendapat bahawa dari Islam kita dapat membentuk satu sistem yang boleh pergi lebih jauh dari tahap sosialisma. Islam menuntut diujudkan satu masyarakat yang benar-benar berasaskan persamaan bermuafakat. Berasaskan ini, pihak pentadbir akan dapat membawa perubahan-perubahan yang besar".

Beliau juga melahirkan perasaan tidak senang hati tentang jurang antara negara kaya dan negara miskin yang semakin luas. "Semasa mencapai kemerdekaan, kami di Dunia Ketiga sudahpun berada dalam keadaan miskin. Sekarang jurang ini semakin membesar. Rakyat Amerika mendapat pendapatan per kapita AS\$10,000 setahun, manakala rakyat Mali hanya mendapat AS\$200. Sekarang terdapat 41 buah negara yang tidak mampu membayar balik bunga ke atas hutang mereka — bukan hutang asal mereka!"

Pergerakan Dunia Ketiga dalam tahun 60'an telah didorong oleh pergerakan menentang penjajah yang dilambangkan oleh perjuangan rakyat Algeria. Tetapi,

sambungan muka 39
NADI INSAN, OKTOBER 1981

THE NEUTRON BOMB...

© 1977 THE PHILADELPHIA INQUIRER & THE WASHINGTON POST WRITERS GROUP
AVTH



IN OUR CASE, IT WOULD WIPE OUT YOU AND ME AND THE KIDS, BUT WOULD LEAVE THE BUILDING STANDING.




THAT'S REAGAN'S NEUTRON BOMB?



NO THAT'S REAGAN'S ECONOMIC PROGRAM.





Merpati Putih, Jelajahilah Dunia Ini

Dalam keruncingan manusia bimbang curiga,
Terbanglah ia menjelajahi dunia,
Putih sayapnya melambai cinta damai,
Bersamanya kibaran panji-panji hidup bersama.

Merpati putih, jelajahilah dunia ini!
Embuskan udara baru yang kauhirup dari malam,
Biar bunga-bunga mekar menguntum,
Biar bibir-bibir segar tersenyum.

Siapa manusia yang tidak putus asa,
Hiruplah udara baru yang segar berkembang,
Isilah dunia ini dengan keyakinan perdamaian,
Embuskan nafas pada malam yang lena.

Siapa manusia yang pernah berkhianat,
Jadilah debu yang terbang mengakhiri hayat,
Duniamu tenggelam bersama patung-patung usang,
Di cermin hidup ini semangat baru memancar terang.

Usman Awang